

"PADA hemat beta, inilah tanggungjawab besar Ahli-ahli MMN selaku pemimpin akar umbi, mereka berkewajipan untuk mengetahui selengkapny semua inisiatif kerajaan baik yang telah mahupun yang sedang dilaksanakan meliputi semua aspek dan bidang agama, ekonomi, pendidikan infrastruktur dan mentaliti, keselamatan dan sosial."

- Titah Sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara pada 7 Mac 2013.



"SESUNGGUHNIA kamu berada dalam keadaan lalai dari (hal) ini, maka Kami singkapkan daripadamu tutup (yang menutupi) matamu, maka penglihatanmu pada hari itu amat tajam."

- (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Qaaf, ayat 43).

Pantai Serasa dilengkapi pelbagai kemudahan



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) berkenan menandatangani plak perasmian sempena Majlis Perasmian Pembangunan Semula Pantai Serasa.

- Foto : Masri Osman. (Berita lanjut dan gambar-gambar dimuatkan ke muka 12 dan 13).

MMN luluskan usul simpati atas kehilangan MH370

Laporan : Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 Mac. - Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pada hari kesembilan Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh yang bersidang hari ini, telah meluluskan satu usul untuk disampaikan kepada Dewan Rakyat Malaysia bahawa Ahli-ahli MMN Negara Brunei Darussalam turut bersimpati atas kehilangan Pesawat Malaysia MH370 yang belum lagi ditemui.

Dalam usul tersebut juga, Ahli-ahli MMN berdoa agar

pesawat tersebut akan dapat ditemui dengan segera.

Usul tersebut telah pun dicadangkan oleh Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar.

Usul Yang Tidak Diberi Notis Menurut Peraturan 18 Ceraian (2) Dari Peraturan-Peraturan Mesyuarat Bagi Majlis Mesyuarat Negara/Standing Orders Of the Legislative Council.

Peruntukan Kem. Pendidikan lulus Pertambahan 1.5 peratus capai objektif strategik

Laporan : Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 Mac. - Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang hari kesembilan meluluskan peruntukan Kementerian Pendidikan dan jabatan-jabatan di bawahnya dengan jumlah sebanyak BND770,777,980 bagi Tahun Kewangan 2014/2015.

Jumlah tersebut bertambah sebanyak BND11,649,060 atau sekitar 1.5 peratus berbanding dengan peruntukan bagi Tahun Kewangan Kementerian Pendidikan 2013/2014.

Tema perbelanjaan kerajaan bagi Tahun Kewangan 2014/2015 pada tahun ini ialah 'Menjana Pertumbuhan Ekonomi Mewujudkan Peluang Pekerjaan'. Bagi mendukung tema ini, empat keutamaan telah dikenal pasti iaitu : Memperkasa Pendidikan dan Latihan, Merangsang Kegiatan Pelaburan, Meningkatkan Produktiviti Negara dan Kesejahteraan Rakyat dan Penduduk. Keempat-empat keutamaan ini akan disentuh dari perspektif Kementerian Pendidikan, melalui tujuh inisiatif utama (*grand initiatives*).

Inisiatif-inisiatif ini adalah untuk membawa Kementerian Pendidikan mencapai objektif-objektif strategik yang telah digariskan dalam Pelan Strategik Kementerian Pendidikan 2012/2017. Inisiatif-inisiatif utama



tersebut adalah Literacy dan Numeracy; Transformasi Pendidikan Teknik dan Vokasional; Sekolah Contoh (Model Schools); E-Hijrah; Kualiti dan Profesionalisme Guru; Pembangunan Kepimpinan (Leadership Development) dan Penyaluran Bakat (Talent Pipeline).

Selain dari itu, inisiatif utama Kementerian Pendidikan yang mendukung keutamaan bagi memperkasa pendidikan dan latihan, kementerian berkenaan juga mendapat peruntukan bagi mendukung dua keutamaan iaitu untuk merangsang kegiatan pelaburan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk.

Ke muka 24



Muka 8
22 Pegawai Kadet baru dilantik



Muka 23
SUSU ibu terbaik berbanding susu formula

Berazam terokai bidang kepentingan bersama

Assalamu'alaikum
Warahmatullaahi Wabarakaatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu'
Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen,
Sayyidinaa Muhammadin,
Wa'alaa Alihie
Wasahbihee Ajma'eenu, Waba'du.

KERAJAAN dan rakyat beta mengalu-alukan Tuan Yang Terutama sekali lagi ke Negara Brunei Darussalam dan dilanjutkan dengan ucapan mesra dan selamat maju jaya kepada Tuan Yang Terutama dan rakyat Timor-Leste.

Lawatan anda memberikan kami peluang untuk meningkatkan persahabatan secara peribadi sebagai mana hubungan dua hala yang mesra di antara rakyat dan kedua buah negara.

Sebagai salah sebuah negara yang baru di dunia, Timor-Leste telah membangun kepada negara contoh dan ahli yang berharga bagi masyarakat antarabangsa.

Di bawah kepimpinan bijak Tuan Yang Terutama telah menjadikan Timor-Leste kepada peringkat yang memberangsangkan dalam pembangunan dan mencapai perkembangan ekonomi yang positif di sebalik krisis global.

Beta ingin mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang Terutama dan Kerajaan Timor-Leste atas usaha negara berkenaan untuk meningkatkan kemakmuran dan taraf kehidupan (*livehood*) rakyat menerusi pelaksanaan Pelan Strategik Pembangunan 2011-2030 anda.

Kini, Timor-Leste menikmati struktur kemajuan dalam hal ehwal serantau dan antarabangsa.

Pada tahun 2013, Timor-Leste telah mengambil alih Pengerusi Suruhanjaya Ekonomi dan Sosial Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Asia Pasifik (UNESCAP) dan tahun ini akan menjawab jawatan Presiden Masyarakat bagi Negara-Negara Bahasa Potugal (CPLP).

Lebih dari itu, penubuhan Agensi Kerjasama Timor-Leste untuk menyediakan bantuan kepada negara-negara yang telah mengalami konflik, menggambarkan kesediaan Timor-Leste dan rakyat untuk membantu melalui pengalaman yang sukar dialami, dan untuk ini Perdana Menteri, negara anda seharusnya diberikan pujian.

Dua belas tahun lalu, Kerajaan Timor-Leste telah hadir sebagai tetamu semasa Brunei menjadi tuan rumah Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Ke-35 buat pertama kalinya.

Hari ini, Timor-Leste terus teguh menunjukkan minat untuk menyertai ASEAN dan memberikan jaminan yang Negara Brunei Darussalam akan terus memberi sokongan



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Persantapan Rasmi bagi meraikan Lawatan Rasmi Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan dan Keselamatan, Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Kay Rala Xanana Gusmao, pada hari Sabtu, 15 Mac 2014 di Istana Nurul Iman.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris
oleh Hajah Musmariani Haji Mohammad

hasrat Timor-Leste untuk menjadi ahli ASEAN.

Beta menghargai usaha dan komitmen Timor-Leste bagi mengukuhkan hubungan dua hala kedua buah negara dan mengalu-alukan bagi penubuhan kedutaan negara ini di Bandar Seri Begawan.

Beta melahirkan keyakinan lawatan rasmi Tuan Yang Terutama itu membuka ruang bagi kerjasama yang lebih luas di antara kedua buah negara.

Brunei Darussalam berharap untuk

bekerjasama dengan Timor-Leste dalam bidang-bidang pendidikan, pelancongan dan tenaga bagi memberikan manfaat rakyat kedua buah negara dan rantau bagi keseluruhannya.

Untuk kesimpulan, kerajaan dan rakyat beta ingin mendoakan Tuan Yang Terutama dan rakyat Timor-Leste sentiasa berada dalam keadaan sihat wal'afiat, gembira dan berjaya.

Sekian. Wabillahit Taufeq Wal-hidayah Wassalamu'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakatuh.

DUA belas tahun lalu, Kerajaan Timor-Leste telah hadir sebagai tetamu semasa Brunei menjadi tuan rumah Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Ke-35 buat pertama kalinya.

Hari ini, Timor-Leste terus teguh menunjukkan minat untuk menyertai ASEAN dan memberikan jaminan yang Negara Brunei Darussalam akan terus memberi sokongan hasrat Timor-Leste untuk menjadi ahli ASEAN.

Dari Sidang
Pengarang.

19 MAC 2014 BERSAMAAN 1435 جمادى الأول 17

MAJIKAN MESTI PEKA DENGAN KESELAMATAN NEGARA

DALAM isu hal ehwal keselamatan negara, kerajaan adalah sama sekali-kali tidak akan mengabaikannya. Kerajaan sangat peka dengan cabaran-cabaran keselamatan, tradisional dan bukan tradisional dan akan terus mengukuhkan kemajuan institusi keselamatan di dalam negara, di samping terus bekerjasama dengan negara-negara serantau dan antarabangsa untuk memelihara keamanan dan kesejahteraan sejagat.

Dengan yang demikian, kerajaan juga tidak mampu untuk membiarkan sebarang jenayah atau pelaku gejala sosial menggunakan negara ini sebagai markas atau pangkalan mereka. Kerana jenayah dan gejala sosial itu amat mengganggu pembangunan dan kesejahteraan dan kestabilan negara. Sebagai warga bumi bertuah yang telah menempuh 30 tahun kemerdekaan, kita tidak mahu pembangunan yang giat dilaksanakan di negara ini tergugat serta kesejahteraan pelaksanaannya terganggu.

Menyentuh tentang keselamatan negara ini, kita tertarik dengan persoalan salah seorang Ahli Yang Berhormat yang berkongsi kekhawatiran mengenai peningkatan jenayah yang dilakukan oleh warga asing di negara ini, dalam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara (MMN) baru-baru ini.

Maklumat peningkatan jenayah tersebut sering terpapar di akhbar-akhbar tempatan seperti kes-kes rompakan, pecah rumah, pecah kereta, kecurian, penipuan, penyeludupan dan sebagainya yang mana kes-kes jenayah ini semakin meningkat yang kebanyakannya dilakukan oleh pekerja-pekerja asing yang tidak mempunyai pekerjaan yang tetap. Pekerja-pekerja seperti ini pada mulanya didatangkan ke negara ini mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Buruh dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Taraf Kebangsaan tetapi setelah projek selesai, mereka terus tinggal di negara ini di bawah jaminan majikannya dan seterusnya membayar wang jaminan secara bulanan kepada majikannya untuk membolehkan mereka terus tinggal di negara ini untuk menyara kehidupan dan ada dalam kalangan mereka itu melakukan perkara jenayah.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman ketika menjawab perkara yang dibangkitkan pada MMN itu berpendapat, masalah jenayah daripada kalangan pekerja asing kebanyakannya adalah berpunca dari sikap majikan yang mengambil keuntungan daripada pekerja asing itu sendiri dan menyalahgunakan tempat berniaga untuk anak-anak tempatan tetapi digunakan oleh orang asing.

Majikan-majikan di negara ini memberikan laluan kepada mereka untuk tinggal di negara ini dengan menyokong ataupun meminta mereka ini diberikan pas kerja yang berlanjutan. Dengan yang demikian majikan-majikan seumpama ini perlu berfikir dua kali dan jangan hanya semata-mata memikirkan keuntungan dan kepentingan mereka sahaja, tetapi perlu peka dengan kepentingan keselamatan dan ketenteraman masyarakat Brunei dan negara pada keseluruhannya.

Bagi sama-sama mengatasi peningkatan jenayah dalam kalangan warga asing di negara ini, peranan dan tanggungjawab para penghulu, ketua kampung dan Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta Jawatankuasa Kejiranan Kampung, amat diperlukan bagi berganding bahu dengan pihak-pihak berwajib khususnya Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dengan sentiasa menjalankan atau melaksanakan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan berterusan sama ada secara persendirian atau bersama dengan agensi penguatkuasaan yang lain.

Di samping itu, seluruh rakyat dan penduduk negara ini juga tidak terlepas dari tanggungjawab tersebut dalam usaha mempertahankan integriti negara serta mendukung perlembagaan dan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB). Apa yang perlu diingat, musuh utama yang sentiasa mengintai-intai ialah 'kelalaian'. Jika sedikit kita lalai, boleh mengakibatkan bencana atau musibah. Dengan yang demikian kita amat memerlukan kesedaran dan kewaspadaan yang berterusan agar nikmat yang berupa keamanan dan kemakmuran itu terus kita nikmati. - **Ketua Penyuntingan (Zs).**

SIDANG PENGARANG PELITA BRUNEI, JABATAN PENERANGAN

Pemberitaan/Rencana

Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abdul Karim,
Haji Aliddin Haji Moktal,
Ak. Jeffery Pg. Durahman,
Haniza Abdul Latif,
Abdullah Asgar,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman,
Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratini Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Noraisah Muhammad,
Aryentty Haji Arifin

Ketua Penyuntingan

Ali Termizzi Haji Ramlli / Haji Ramli,
Hajah Zabaidah Haji Salat,
Mohammad Rainie Haji Durani

Penyemakan

Abdul Hadi Haji Suhaili,
Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz

Juruteknik Foto

Hatral Hazmi Abdul Hamid,
Jurainah Haji Jait,
Nornasyirah Nordin

Penyuntingan

Haji Sahari Akim,
Samle Haji Jait,
Pg. Haji Waliyuddin Pg. Haji Ahmad,
Siti Muslihat Haji Salleh,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Zawiyatun Ni'mah Mohd. Akir

Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad,

Pereka Letak

Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafar,
Haji Ahmad Haji Salim,
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Mohammad bin Kahar,
Wan Mohamad Sahrnan Wan Ahmadi,
Hajah Raini Haji Bidin,
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail

Ramalan Cuaca Tiga Hari			
RABU	KHAMIS	JUMAAT	
BANDAR SERI BEGAWAN			
32°C	25°C	32°C	25°C
MUARA			
32°C	25°C	32°C	26°C
PEKAN BANGAR			
31°C	25°C	31°C	25°C
PEKAN TUTONG			
32°C	25°C	32°C	25°C
PEKAN SERIA			
32°C	25°C	32°C	24°C
KUALA BELAIT			
32°C	25°C	32°C	26°C

Walaupun
Sumber : Perkhidmatan Kaji-cuaca Brunei Darussalam
Jabatan Penerangan Awam
Telefon : 2330142 sambungan 1888/1551 atau Talian Cuaca : 114

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

PUSAT PEMEDULIAN PELANGGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
140

ELEKTRIK
144

NDMC
2380214

Lengkapkan dengan undang-undang sivil, syariah

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 Mac. - Universiti Islam Sultan Syarif Ali (UNISSA) menawarkan beberapa program dalam bidang syariah dan perundangan Islam di pelbagai peringkat iaitu peringkat Kedoktoran, Sarjana, Sarjana Muda dan Diploma serta kursus-kursus *non-graduating* iaitu kursus yang tidak dikurniakan ijazah.



YANG Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal. - Foto : Haji Masmaleah Haji Mohd. Ali.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong. - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.

Di samping kursus Sarjana Muda Syariah, Fiqh dan Kehakiman, UNISSA sejak tahun 2011 ada menawarkan kursus Bachelor of Laws (LLB) dan Bachelor of Syariah Law (BSL) yang merupakan *double degree program* dengan tempoh pengajian

akademik selama lima tahun.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong berkata, program tersebut diharap akan dapat melengkapkan graduan dengan ilmu pengetahuan kefahaman yang luas dalam bidang undang-undang sivil dan undang-undang syariah.

Perkara itu dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan bagi menjawab cadangan yang diusulkan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal supaya beberapa pegawai di mahkamah mengambil jurusan LLB dan latihan-latihan lain sebagai pelapis kepada hakim-hakim yang ada pada masa ini.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan seterusnya berkata, setakat ini terdapat 11 orang yang mengikuti program berkenaan dalam tahun akademik 2011/2012, 19 orang dalam tahun akademik 2012/2013 dan 30 orang bagi tahun akademik 2013/2014.

Jumlah pengambilan pelajar bagi kursus tersebut, jelas Yang Berhormat lagi, telah bertambah dari setahun ke setahun dan kuhud pengambilan

pertama akan tamat pengajian pada tahun 2016 yang mana ini juga bermakna pada tahun 2019, insya-Allah negara akan mempunyai 60 orang graduan lulusan *double degree program* ini.

Selain daripada itu, kata Yang Berhormat lagi, UNISSA juga masih menawarkan kursus Diploma dalam Guaman Syarie dan Perundangan Islam secara sepenuh masa dan separuh masa di mana para pelajar program diploma ini terdiri dari pegawai-pegawai Latihan Dalam Perkhidmatan.

Semua program tersebut, jelas Yang Berhormat seterusnya, akan sentiasa disemak dan dikemaskinikan untuk memastikan kualiti program ini memenuhi kehendak semasa.



YANG Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim. - Foto : Haji Masmaleah Haji Mohd. Ali.

KPSSU kenal pasti permasalahan PKS

Laporan : Norrasidah Jumat



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar. Foto : Haji Masmaleah Haji Mohd. Ali.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 Mac. - Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) mengenal pasti beberapa permasalahan yang perlu diperbaiki di kalangan pegawai dan kakitangan Pengusaha Kecil dan Sederhana (PKS) terutama dalam menangani isu-isu kewangan.

Bagi memperbaiki permasalahan tersebut KPSSU telah bekerjasama dengan Bank Islam Brunei Darussalam dan Bank Baiduri dalam menyediakan beberapa kursus pengurusan kewangan yang juga akan dilaratkan kepada Ketua Pegawai Eksekutif PKS agar mereka dapat menjalani kursus-kursus yang berkenaan.

Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato

YANG Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman. Foto : Haji Masmaleah Haji Mohd. Ali.

Paduka Haji Bakar menyatakan perkara tersebut ketika menjawab persoalan yang ditimbulkan Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman di hari kesembilan Majlis Mesyuarat Pertama Bagi Musim Pemesyuaratan Kesepuluh MMN di Bangunan MMN, di sini.

Yang Berhormat menekankan, Pelan Induk PKS juga akan dimaklumkan kepada orang ramai dan setelah itu akan mempamerkan melalui jerayawara dan melarutkan kepada *stakeholders* yang terlibat dengan PKS dan juga pihak-pihak kerajaan.

“Sebab pada masa ini seperti kita ketahui isu menangani PKS ini bukan sahaja di bawah tanggungjawab KPSSU tetapi juga melibatkan agensi-agensi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia seperti Kementerian Kewangan, Kementerian Pembangunan, Kementerian Pendidikan dan juga lain-lain kementerian, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan sebagainya. Jadi pada masa ini dalam proses untuk melibatkan agensi-agensi ini untuk melihat secara lebih luas lagi pelan induk tersebut,” ujar Yang Berhormat lagi.



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 Mac. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong berkata, perancangan transformasi teknikal akan melakukan *course restructuring* di mana kursus-kursus baru yang ditawarkan akan lebih menjurus kepada kemahiran dan kompetensi yang diperlukan oleh pihak industri agar program-program

Laporan : Rohani Haji Abdul Hamid

yang ditawarkan akan sejajar dengan keperluan industri.

Demikian jelas Yang Berhormat Menteri Pendidikan ketika menjawab pertanyaan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin yang membangkitkan persoalan mengenai usaha Memusatkan Pendidikan Teknikal seperti Vokasional Wasan dan Pusat Latihan Mekanik pada Majlis Pemesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Bangunan Dewan Majlis, MMN, di sini.

“Perancangan transformasi pendidikan teknikal di mana *structural changes* akan dibuat untuk mengoptimalkan sumber-sumber di mana di dalam rancangan transformasi tujuh kampus institusi-institusi teknikal yang sedia ada akan diselaraskan menjadi dua mega kampus. Dengan pendekatan berlandaskan *economy of scale* ini dan pengurangan *unnecessary duplication* ianya juga akan menjadi lebih kos efektif,” ujar Yang Berhormat.



YANG Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor.

Sekolah Vokasional Sultan Bolkiah (SVSB) yang terletak di kawasan yang strategik dengan industri minyak dan gas di Seria, terang Yang Berhormat, menawarkan program yang menjurus kepada industri minyak dan gas.

“Program-program seperti Mechanical Engineering, Precision Machining, Fabrication & Welding dan Fashion Design & Dressmaking adalah unik di mana ianya hanya ditawarkan di SVSB,” tambah Yang Berhormat seterusnya.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan juga menjelaskan mengenai program yang ditawarkan di institusi-institusi pendidikan teknikal dan vokasional yang lain seperti Business Studies dan IT yang mana program-program Business Studies dan IT ini adalah antara program-program yang sentiasa mendapat sambutan tinggi untuk menampung permintaan di Daerah Belait.

Kurikulum di sekolah-sekolah menengah juga, katanya, ada memasukkan unsur-unsur seni kreatif.

“Jabatan Pendidikan Teknik dan institusi-institusi di bawahnya memang ada membuat perancangan



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pendidikan dan para pegawai kanan dari kementerian tersebut hadir memperdengarkan perbahasan di Mesyuarat MMN - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.

bagi meneliti program-program yang ditawarkan termasuk untuk menawarkan program-program

dalam bidang media kreatif ataupun 'Creative Media,' ujar Menteri Pendidikan.

Empat keutamaan dikenal pasti dalam peruntukan Kementerian Pendidikan



Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong. - Foto : Azmah Haji Ahad.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 Mac. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menjelaskan, Kementerian Pendidikan telah diperuntukkan dengan BND770,777,980 bagi perbelanjaan bagi Tahun Kewangan 2014/2015.

Ianya menunjukkan pertambahan sebanyak BND11,649,060 atau sekitar 1.5 peratus berbanding dengan peruntukan bagi Tahun Kewangan Kementerian Pendidikan 2013/2014.

Menurut Menteri Pendidikan, tema perbelanjaan kerajaan bagi Tahun Kewangan 2014/2015 pada tahun ini ialah 'Menjana Pertumbuhan Ekonomi Mewujudkan Peluang Pekerjaan'.

Bagi mendukung tema ini, jelas Yang Berhormat, empat keutamaan telah dikenal pasti iaitu: Memperkasa Pendidikan dan Latihan; Merangsang Kegiatan Pelaburan; Meningkatkan Produktiviti Negara dan Kesejahteraan Rakyat dan Penduduk.

Menurut Yang Berhormat lagi, keempat-empat keutamaan ini akan disentuh dari perspektif Kementerian Pendidikan, melalui tujuh inisiatif

Laporan : Abdullah Asgar

utama (*grand initiatives*) yang mana inisiatif-inisiatif ini adalah untuk membawa Kementerian Pendidikan, mencapai objektif-objektif strategik yang telah digariskan dalam Pelan Strategik Kementerian Pendidikan 2012/2017.

Ini dijelaskan oleh Menteri Pendidikan dalam Majlis Permesyuaratan Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara (MMN), di Bangunan Dewan Majlis, MMN, di sini.

Tambah Yang Berhormat, inisiatif utama adalah Literacy dan Numeracy, Transformasi Pendidikan Teknik dan Vokasional, Sekolah Contoh (Model Schools), e-Hijrah, Kualiti dan Profesionalisme Guru, Pembangunan Kepimpinan (Leadership Development) dan Penyaluran Bakat (Talent Pipeline).

"Literacy dan Numeracy telah diperuntukkan dengan beberapa peruntukan, sebanyak BND150 ribu bagi projek intervensi dan remedasi dalam mengatasi tahap *literacy* pelajar. Peruntukan ini adalah untuk membiayai projek bagi meningkatkan keupayaan guru Bahasa Inggeris di peringkat rendah dan menengah dalam menilai tahap *literacy* pelajar, menggunakan skala membaca, kefahaman dan menulis mengikut amalan terbaik antarabangsa," ungkap Yang Berhormat.

Jelas Yang Berhormat, peruntukan sebanyak BND230 ribu bagi projek Literacy dan Numeracy ini akan membiayai aktiviti perkembangan dan pengemaskinian penilaian, kedatangan konsultan, perkhidmatan dan kemudahan fizikal bagi peningkatan pengetahuan serta pembelian peralatan kerja dan pejabat.

"Antara projek yang menggunakan peruntukan ini ialah : Bengkel Meningkatkan Pengetahuan dan Strategi Membaca Jawi 2014 bagi guru-guru Bahasa Melayu di peringkat rendah iaitu Focusing on Lessons Study - A School-based Approach dan Science Project - Enhancing

Teachers Competency and Writing Quality Questions for Primary Science," terang Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya berkata, peruntukan bagi perkhidmatan pendidikan sebanyak BND65.9 juta ini adalah bagi membiayai pembayaran perkhidmatan pengambilan tenaga pengajar dari luar negeri serta perkhidmatan yang menyokong aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Selain itu, ujar Yang Berhormat, peruntukan sebanyak BND220 juta untuk selama tiga tahun bagi pengambilan tenaga-tenaga pengajar pakar bagi meningkatkan pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Matematik terutama di peringkat sekolah rendah.

"Peruntukan kemudahan dan prasarana bagi sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi serta bangunan-bangunan di bawah kawalan Kementerian Pendidikan sebanyak BND22.1 juta disediakan untuk penaiktarafan dan pembaikan secara menyeluruh termasuk pembaikan peralatan pejabat dan peralatan kokurikulum, perkhidmatan pemeliharaan bangunan, kawasan dan padang dan pemeliharaan kenderaan," tambah Yang Berhormat.

Ujar Yang Berhormat, peruntukan sebanyak BND25 juta bagi pembelian peralatan atau perkakas yang diperlukan bagi pembelajaran atau pengajaran seperti perabot dan peralatan termasuk kemudahan ICT di sekolah, maktab dan institusi pengajian tinggi ini termasuk pembelian peralatan projek Enhancement of Design and Technology dan mata pelajaran teknologi.

Manakala jelas Yang Berhormat, peruntukan Skim Biasiswa Khas sebanyak BND104.8 juta bagi membiayai seramai 716 orang pelajar dari Kementerian Pendidikan, mengikuti pengajian di institusi-institusi pengajian tinggi di luar negara dan peruntukan Biasiswa dan Elaun Penuntut sebanyak BND43 juta.

Inisiatif kedua, menurut Yang Berhormat ialah Transformasi Pendidikan Teknik dan Vokasional yang usaha itu telah dimulakan pada tahun 2012/2013.

Menurut Yang Berhormat seramai 209 pelajar telah mengikuti

Program Higher National Technical Education Certificate bagi program-program Instrument and Control Engineering, Plant Engineering, Mechanical Engineering and Electrical Engineering pada bulan Julai 2013; Bagi program Plant Engineering di bawah National Technical Education Certificate (NTC), pengambilan pelajar pada bulan Januari 2014 ialah seramai 45 orang.

Bagi Industrial Skill Qualification (ISQ), jelas Yang Berhormat, pengambilan pelajar pada bulan September 2013 ialah seramai 268 orang dan program-program Welder, Riggers, Scaffolders and Feeter.

"Apa yang menarik di sini ialah kesemua 268 orang pelajar ISQ telah pun diberikan tawaran pekerjaan bersyarat ataupun (*conditional employment*) oleh pihak industri. Manakala itu, seramai 327 orang pelajar telah berjaya memasuki program ISQ untuk pengambilan Mac 2014 ini," terang Yang Berhormat.

Tambah Yang Berhormat, secara keseluruhan pengambilan pelajar bagi program baru Energy Industry Competency Framework (EICF) Compliance dari bulan Julai 2013 sehingga Januari 2014 ialah seramai 522 orang.

Sementara menurut Yang Berhormat, sepanjang tahun 2014 dan 2015 adalah disasarkan lebih kurang 2,500 orang pelajar akan memasuki program-program High National Technical dan National Technical dan ISQ Fasa 1 dan dijangkakan program-program Fasa 2 EICF akan bermula pada bulan September 2014 sehingga 2015 dan seramai 250 orang pelajar akan diambil untuk mengikuti program-program tersebut.

Di samping itu juga, jelas Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan dan Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri bekerja rapat dengan Kementerian Perhubungan dalam melaksanakan penubuhan Akademi Maritim Brunei (BMA) dengan matlamat penubuhan akademi tersebut adalah bagi menghasilkan anak-anak tempatan sebagai tenaga kerja maritim yang profesional dan *seafarers* yang diluluskan dan diiktiraf oleh International Maritime Organisation (IMO) bagi keperluan



tenaga kerja industri maritim di negara ini.

Tambah Yang Berhormat, pengambilan pertama pelajar bagi BMA, bermula pada bulan April 2014, program-program yang ditawarkan adalah *deck rating*, *engine rating*, *bridging cook* and *steward* dan *Bridging Officer Engineering Watch*. Pengambilan kedua akan diadakan pada bulan Julai 2014, di mana program-program dalam Diploma in Marine Engineering dan *Bridging Cook and Steward* akan ditawarkan.

Manakala, pengambilan ketiga bagi BMA, jelas Yang Berhormat, adalah pada bulan Oktober 2014 bagi program-program *deck rating*, *engine rating*, *bridging cook* and *steward* dan *Bridging Officer Engineering Watch*. Sasaran jumlah pengambilan bagi BMA pada tahun 2014 dan 2015 adalah lebih kurang 500 pelajar tertakluk pada permintaan dan tawaran (*demand and supply*).

"Semua program BMA, adalah dijalankan melalui perintisan (*apprenticeship*) di mana syarikat-syarikat telah membuat pemilihan pelajar-pelajar yang berkelayakan untuk diambil bagi skim ini. Para syarikat akan memberi elaun perintisan dan akan mengambil para pelajar yang telah terpilih untuk bekerja setelah lulus pengajian.

Ini bermakna jumlah pelajar yang akan diambil mulai Julai 2013 sehingga 2015 bagi memasuki program-program EICF Compliance Fasa 1 dan 2 serta program-program BMA adalah lebih kurang 3300 orang," terang Yang Berhormat.

Peruntukan aliran teknikal dan vokasional meningkat

Laporan : Abdullah Asgar

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 Mac. - Sejumlah BND16.4 juta bagi Politeknik Brunei dan BND19.9 juta bagi Institut Teknologi Brunei telah diperuntukkan bagi menambahkan lagi peluang-peluang kepada belia tempatan termasuk lepasan sekolah untuk meneruskan pengajian mereka dalam aliran teknikal dan vokasional.

Peruntukan sebanyak BND1.5 juta juga disediakan bagi membiayai keperluan latihan dan kursus kepada tenaga-tenaga pengajar bagi sekolah-sekolah teknikal dan vokasional.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menjelaskan, sejak inisiatif ketiga dilancarkan pada 7 Mei 2012, lima buah sekolah, Model Schools telah diberikan pendedahan autonomi dan akauntabiliti dari segi urusan tadbir sekolah, struktur kurikulum, pedagogi yang inovatif, pengendalian strategi dan pengurusan kewangan, selain

itu mereka diberikan profesional berterusan, selain itu juga aktif dalam usaha untuk meningkatkan hubungan dan kerjasama dengan komuniti dan masyarakat sekeliling.

Yang Berhormat mengatakan perkara tersebut pada Majlis Mesyuarat Pertama di Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara di hari kelapan yang diadakan di Bangunan Majlis Mesyuarat Negara, di sini.

Yang Berhormat seterusnya berkata, pada 30 Januari 2014 lalu, Kementerian Pendidikan telah mengadakan Majlis Pelantikan Pemimpin-Pemimpin Sekolah Contoh Ahli Lembaga Tadbir Sekolah (Board of Governors) dan rakan usaha sama (*collaborators*) di mana 33 Ahli Lembaga Tadbir dari Sekolah Contoh tersebut adalah terdiri daripada wakil-wakil agensi kerajaan, sektor swasta dan ahli masyarakat umum.

Menurut Yang Berhormat, pelantikan mereka adalah diharapkan dapat membantu sekolah, menentukan

hala tuju strategik, memastikan kebertanggungjawaban dan juga sebagai rakan akrab sekolah.

Inisiatif keempat jelas Yang Berhormat pula, ialah e-Hijrah dalam usaha Kementerian Pendidikan untuk mengintegrasikan ICT dalam bidang pendidikan bagi meningkatkan kualiti kemudahan pendidikan.

Projek e-Hijrah jelas Yang Berhormat, telah diperkenalkan pada tahun 2011. Sehingga kini, di bawah peruntukan Rancangan Kemajuan Negara (RKN), beberapa projek sedang dilaksanakan iaitu Projek Whole School ICT Approach (WSID), Media In-Service Centre, ICT Leadership, Integrated National Education and Information System (INEIS), Interactive Technologies dan Computing in Model Schools.

Sementara Inisiatif kelima pula ujar Yang Berhormat, ialah kualiti dan profesionalisme guru peruntukan sebanyak BND6 juta telah disediakan bagi Skim Pembangunan Tenaga Pengajar di bawah Pelaksanaan Program Dana Sumber Manusia di bawah RKN.

Menurut Yang Berhormat Program tersebut adalah Brunei Teachers'



SETIAUSAHA Tetap dan Timbalan SUT KHEDN, serta pegawai-pegawai kanan kementerian tersebut antara yang hadir mendengarkan perbahasan Persidangan MMN. - Foto Haji Ariffin Mohd. Noor.

Standard (BTS) yang menggariskan kompetensi yang perlu bagi seorang guru Primary English Teacher Training (PET) yang bertujuan untuk menilai tahap profesensi dan kompetensi guru-guru dalam kemahiran bahasa

Inggeris, Numeracy Initiative Project Enhancing Primary and Secondary Mathematic Teachers Pedagogy dan Inquiry - Based Science Education (IBSE).

Ke muka 5

Anggota beruniform terima Elaun Kurnia Khas



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 Mac. - Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim menjelaskan, Pemberian Elaun Kurnia Khas adalah berdasarkan Surat Keliling Kementerian Kewangan Bilangan 1/1991 bertarikh 18 Mei 1991.

Berdasarkan Surat Keliling tersebut, jelasnya, anggota pasukan bomba dan anggota pasukan beruniform telah pun dihulurkan Elaun Kurnia Khas yang berkuat kuasa mulai 1 Mei 1991 cuma jumlah yang dibayar adalah

diselarasakan mengambil kira jumlah anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat telah pun menerima Elaun 'P' sebanyak BND100 sebulan.

Menteri Kewangan II (Kedua) di JPM menjelaskan perkara itu semasa menjawab persoalan yang



YANG Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor.

dibangkitkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad, Ketua Kampung Lumut 1, Zon 1 - Daerah Belait pada Sabtu lepas mengenai Elaun Kurnia Khas yang diberikan kepada pegawai dan kakitangan dalam pasukan bomba dan anggota beruniform yang lain pada hari kelapan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kespuluh MMN.

Menurut Menteri Kewangan II (Kedua) di JPM, contohnya bagi Bahagian II pegawai-pegawai ini menerima Elaun Kurnia Khas sebanyak BND50 sebulan, Bahagian III sebanyak BND70 sebulan dan Bahagian IV dan ke bawah BND100 sebulan.

Itu jelas Yang Berhormat menjadikan jumlah elaun yang mereka terima pada keseluruhannya adalah sama dengan pegawai-pegawai dan kakitangan dalam Perkhidmatan Awam yang lain.

Pada mesyuarat itu Menteri Kewangan II (Kedua) di JPM juga menambah penerangan yang disampaikan oleh Menteri Hal Ehwal

Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman mengenai soalan yang diajukan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman yang ingin tahu kenapa jawatan bomba dikeluarkan daripada jawatan berpencen.

Menteri Kewangan II (Kedua) di JPM menjelaskan secara ringkas bahawa sebelum Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP) mula diperkenalkan pada 1 Januari 1993, semua warga Perkhidmatan Awam yang bersara wajib termasuk anggota bomba akan menerima pencen tertakluk pada syarat-syarat berikut iaitu terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Jawatan Tetap dan berpencen bagi Bahagian I, II, III dan IV; Berkhidmat tidak kurang daripada 10 tahun, lantikan sebelum 1 Januari 1993 sudah ditetapkan dalam jawatan pertamanya dan berusia 55 tahun.

Jelasnya, walau bagaimanapun, pada 1 Januari 1993, Kerajaan Kebawah DYMM telah memperkenalkan Skim TAP untuk dilaksanakan bagi semua pegawai dan kakitangan Kerajaan Kebawah DYMM yang dahulunya berpencen kecuali pegawai dan kakitangan yang masih di dalam jawatan berpencen seperti anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB); anggota Pasukan Polis Diraja Brunei; pegawai dan kakitangan Jabatan Penjara dalam



MENTERI Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim. - Foto : Azmah Haji Ahad.

Bahagian IV dan ke atas.

Berasaskan kepada peraturan tersebut, ujar Yang Berhormat, mulai 1 Januari 1993, semua penjawat awam dalam Perkhidmatan Tetap, Perkhidmatan Open-Vote, Perkhidmatan Kontrak dan Perkhidmatan Bergaji Hari termasuk anggota bomba dan penyelamat adalah diwajibkan untuk mengikuti Skim TAP.

Yang Berhormat menjelaskan dalam konteks ini, adalah tidak bertepatan untuk menyatakan bahawa Jawatan Bomba yang dahulunya disenaraikan sebagai jawatan berpencen dikeluarkan daripada jawatan berpencen.

Peruntukan aliran teknikal dan vokasional meningkat

Dari muka 4

“Kementerian Pendidikan juga menerima peruntukan harga rancangan sebanyak BND15 juta untuk melaksanakan projek pembangunan strategik institusi-institusi pengajian tinggi. Inisiatif-inisiatif strategik ini adalah bagi pembangunan dan penambahbaikan infrastruktur, peningkatan ilmu pengetahuan kemahiran para pegawai dan ahli-ahli akademik melalui kursus, seminar, bengkel, persidangan dan penempatan kerja. Menjalankan penyelidikan dan menjalankan projek perkembangan program-program akademik dan kokurikulum,” terang Yang Berhormat.

Inisiatif keenam tambah Yang Berhormat ialah Leadership Development, Nilai dan kualiti kepimpinan akan terus diperkembangkan melalui beberapa projek yang telah pun dikenal pasti dan dirancang bagi tahun 2014 hingga 2017, iaitu Piawaian Kecekapan, Pemimpin atau Leadership Competency Standard, projek Impact yang dihasratkan memperkembangkan kepimpinan di kalangan pelajar dan guru-guru yang akan bekerjasama dengan para pelajar tersebut yang mana ianya diharapkan untuk mempertingkatkan kedatangan para pelajar dan pencapaian akademik mereka.

Gap Analysis for School Leaders ujar Yang Berhormat, bertujuan untuk mempertingkatkan kebolehan pemimpin-pemimpin sekolah dalam

mengenal pasti punca-punca jurang prestasi di sekolah mereka dan *school leadership programme* dihasratkan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pemimpin-pemimpin sekolah dan terakhir ialah Program Pentadbiran Sekolah (School Management Programme) untuk memberikan pendedahan kepada para pemimpin sekolah mengenai pengurusan dan pentadbiran sekolah yang merangkumi hal-ehwal kewangan dan kakitangan.

“Inisiatif ketujuh ialah Talent Pipe-line, inisiatif ini dihasratkan mampu menghasilkan satu kumpulan pekerja berbakat, (Pool of Talents) yang berkecayaan untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan yang penting. Ianya juga berhasrat untuk menyediakan jaminan ke arah pembangunan berkecayaan (*sustainable development*) dan membantu dalam melaksanakan proses perancangan penggantian (*succession planning*) dengan adanya laluan kerja (*career pathway*) yang lebih telus,” ujar Yang Berhormat.

Selain dari itu, tambah Yang Berhormat, inisiatif utama Kementerian Pendidikan ialah mendukung keutamaan bagi memperkasa pendidikan dan latihan, kementerian juga mendapat peruntukan bagi mendukung dua keutamaan lain iaitu keutamaan untuk merangsang kegiatan pelaburan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, bagi merangsang kegiatan pelaburan kementerian telah mengemukakan program-program seperti Student Entrepreneurship

Development Expo (SEDEX), Brunei Education Entrepreneurship Scheme (BEES) bekerjasama dengan Syarikat Brunei Shell Petroleum dan LiveWIRE Program (Junior Achievers) kerjasama dengan Persatuan Perbankan Brunei dan Entrepreneurship at Campus di University Brunei Darussalam dengan kerjasama Brunei Economic Development Board dan iCentre.

Sementara bagi mendukung keutamaan untuk kesejahteraan rakyat dan penduduk, sebanyak BND3 juta diperuntukan bagi bantuan kepada anak-anak dari keluarga yang berpendapatan rendah melalui Skim Miftahun Najah (Kunci Kejayaan).

Melalui skim ini, ujar Yang Berhormat, 22 pelajar telah menerima bantuan asrama dan selain itu, projek Rintis kelas Tuisyen telah diperkenalkan di bawah skim ini pada tahun 2013.

Ianya dapat membantu 389 pelajar tahun 6 dan 14 buah sekolah rendah yang menduduki peperiksaan PSR dan 160 pelajar yang menduduki peperiksaan GCE 'O' Level dari 11 buah sekolah menengah.

“Tahun ini bantuan ini akan dilaratkan lagi ke peringkat prauniversiti (Tingkatan Enam). Di kesempatan ini, saya ingin mengongsi bahawa sejak Skim Miftahun Najah diperkenalkan pada tahun 2011, jumlah pelajar yang menerima bantuan telah meningkat dari setahun ke setahun iaitu 2,232 orang pelajar pada tahun 2011 ke 10,428 orang pada tahun 2014 dari peringkat Pra Sekolah hingga ke Tahun 11,” jelas Yang Berhormat.

Pemilihan pemborong berdasarkan value for money

Laporan :
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim



YANG Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin. - Foto : Azmah Haji Ahad.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 Mac. - Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim menjelaskan, pemilihan dan penilaian tawaran, baik di peringkat Lembaga Tawaran Negara ataupun Lembaga Tawaran Kecil, tidak hanya bergantung kepada harga yang rendah semata-mata.

Menteri Kewangan II (Kedua) di JPM menjelaskan perkara itu pada hari kelapan Mesyuarat Pertama

Dari Musim Permesyuaratan Kespuluh Majlis Mesyuarat Negara (MMN), ketika membetulkan fakta mengenai isu yang disentuh oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, Ketua Kampung Mumong, Zon 2, Daerah Belait mengenai pemilihan pemborong yang menyasarkan supaya pihak kerajaan tidak memilih tawaran yang terendah sahaja.

“Kriteria yang utama ialah menekankan *value for money*, harga yang ditawarkan adalah berpatutan dengan cadangan teknikal yang ditawarkan berdasarkan skop dan spesifikasi kerja yang ditawarkan,” jelasnya.

Dalam menimbangkan kriteria berdasarkan *value for money* itu, katanya, beberapa perkara utama diambil kira misalnya, spesifikasi teknikal termasuk kualiti barangan atau perkhidmatan yang diberikan berbanding harga yang ditawarkan, *track record* dan prestasi yang baik dalam pelaksanaan projek-projek yang pernah diberikan, keupayaan kewangan terutama bagi tawaran-tawaran bernilai tinggi dan keupayaan pengurusan.

Oleh itu ujarinya, tanggapan bahawa pemilihan tawaran hanya berdasarkan tawaran harga rendah adalah tidak tepat.

Pindaan Perintah Pekerjaan 2009 dilaksanakan

Laporan :
Saerah Haji Abdul Ghani



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 Mac. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman menjelaskan, pampasan bagi pekerja sedang dilaksanakan dengan membuat pindaan kepada undang-undang yang berkaitan.

Menurut Yang Berhormat, pelaksanaan Perintah Pekerjaan 2009 (Employment Order 2009) itu dapat memberikan perlindungan kepada

MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor.

para pekerja tempatan.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menjelaskan perkara itu semasa menjawab persoalan yang diutarakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, pada hari kelapan Persidangan MMN, berlangsung di Bangunan Dewan Majlis, MMN, di sini.

Sementara itu, menyentuh isu berkaitan sebilangan pekerja sektor swasta yang bergaji rendah Yang Berhormat menjelaskan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) mengemaskinikan satu kertas 'Fair Package' dan akan dirundingkan dengan pihak majikan.

"Kalau pendekatan dibuat dengan sebaik-baiknya, *stakeholders* dan majikan-majikan akan memberikan kerjasama contohnya dalam *job fair* yang dibuat KHEDN, ramai majikan-majikan tampil untuk ikut serta dan menawarkan beberapa



YANG Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim semasa Persidangan MMN. - Foto : Azmah Haji Ahad.

jawatan kosong mereka," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat yakin langkah KHEDN untuk berunding dengan *stakeholders* majikan-majikan bagi menyeimbangkan faedah-faedah gaji dan kemudahan-kemudahan layanan yang diberikan kepada pekerja-pekerja tempatan dan asing akan berjaya dengan perundingan yang sebaiknya.

Semasa menjawab isu penanguhan pembinaan Pos Kawalan Kuala Lurah berikutan pembinaan jambatan di Pendaruan dan pos kawalan di hujung jalan dan rancangan projek mega jambatan yang menghubungkan Daerah Brunei dan Muara dan Temburong, Yang Berhormat



menyatakan, pembinaan Pos Kawalan di Kuala Lurah itu sesuai ditangguhkan menunggu apa perkembangan selanjutnya tentang kekerapan lalu lintas dan jumlah lalu lintas di kawasan Kuala Lurah.

Manakala bagi menjawab persoalan Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking mengenai peluasan kawasan Bandaran Tutong, Yang Berhormat menerangkan *task force* yang ditubuhkan pada 2006 memang mencadangkan peluasan 62 kali ganda daripada kawasan 24.2 hektar yang menjadikan kepada 1,000 hektar.

Walau bagaimanapun, ujar Yang Berhormat, KHEDN sangat berhati-hati mengenai sejauh mana keupayaan kerajaan sendiri untuk menyediakan perkhidmatan - perkhidmatan dan beberapa kaedah caj yang akan dikenakan kepada para penduduk dalam kawasan berkenaan.



YANG Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman. - Foto : Azmah Haji Ahad.

Lesen Pusat Penjagaan Kanak-Kanak melibatkan 7 agensi kerajaan

Laporan :
Mohammad Husaif Ramle

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 Mac. - Dalam mengeluarkan lesen Pusat Penjagaan Kanak-Kanak di bawah umur tiga tahun, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menyelarkannya dengan tujuh agensi kerajaan yang berkenaan.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah berkata, agensi kerajaan yang dimaksudkan itu ialah Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Pejabat Daerah, Bomba dan Penyelamat, Perkhidmatan Kesihatan, Bandaran dan Polis.

Mengenai dengan Pusat Penjagaan Kanak-Kanak yang terdapat di Negara Brunei Darussalam, sebuah akta iaitu akta Pusat Penjagaan Kanak-Kanak 2006, jelas Yang Berhormat telah memberikan kuasa kepada JAPEM sebagai pihak berkuasa yang melesen ataupun *licensee authority*.

Yang Berhormat seterusnya

berkata sejauh ini terdapat tiga buah Pusat Penjagaan Kanak-Kanak yang sudah diluluskan dan diberikan lesen untuk beroperasi.

"Manakala, masih terdapat 12 permohonan yang sedang diproses untuk diberikan lesen bagi membolehkan mereka mengusahakan Pusat Penjagaan Kanak-Kanak," tambah Yang Berhormat.

Menyentuh mengenai kadar yang dikenakan ke atas penjagaan kanak-kanak di pusat berkenaan, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menjelaskan buat masa ini tidak terdapat peraturan yang mengawal bayaran pusat penjagaan kanak-kanak berkenaan.

Walau bagaimanapun, tambah Yang Berhormat terdapat peraturan nisbah atau *ratio* penjaga dan kanak-kanak yang dijaga mengikut peringkat umur iaitu bagi peringkat umur dua bulan ke 18 bulan ialah satu pekerja dengan nisbah lima kanak-kanak.

"Selain itu, kanak-kanak yang berumur di atas 18 bulan ke 30 bulan ialah satu penjaga kepada lapan



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah. - Foto : Azmah Haji Ahad.

kanak-kanak. Manakala kanak-kanak yang di atas 30 bulan ke tiga tahun ialah satu penjaga kepada 12 kanak-kanak," terang Yang Berhormat.

Kanak-kanak yang mempunyai keperluan khas ataupun *children with disabilities* pula tambah Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, *ratio* penjagaan ialah satu penjaga kepada empat kanak-kanak tanpa mengira umur.

Rakyat Brunei disaran bergiat di bidang perniagaan

Laporan : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi,
Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 Mac. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) sudah memperkenalkan peraturan atau dasar untuk membekukan jawatan-jawatan dalam beberapa jawatan yang tertentu terutama sekali dalam sektor runcit dan borong.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman semasa membahaskan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim dan Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Haji Hussin berkaitan dengan pekerja

asing berharap agar tidak memberikan tanggapan yang salah mengenainya di mana Negara Brunei Darussalam dan kerajaannya mengalu-alukan kedatangan peniaga asing untuk berniaga di negara ini.

"Kitani memerlukan, cuma kedatangan mereka hendaklah teratur. Bila ia teratur itu maknanya berdasarkan kepada keperluan yang sebenar-benarnya," ujar Yang Berhormat semasa membentangkan hujah di Bangunan Dewan Majlis, MMN, di sini.

Menyentuh mengenai peluang rakyat untuk menceburi bidang-bidang perniagaan dan kegiatan ekonomi, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal

Dalam Negeri berkata, antara usaha kerajaan termasuklah memberikan kelonggaran dengan mengubah syarat tanah perumahan diberikan perniagaan sampingan.

Tujuan kerajaan yang murni itu, jelasnya, sepatutnya dipergunakan oleh orang kita bagi mendapatkan lesen perniagaan bagi mereka sendiri berniaga yang terdiri dari kalangan keluarga dan orang kampung berkenaan dan dari anak tempatan di mana-mana juga memberikan pekerjaan dan bukan sebaliknya.

Bilangan peniaga asing yang berlebihan, ujar Yang Berhormat adalah setakat keperluan yang benar-benar dikehendaki sahaja sebaliknya menepati hasrat kerajaan supaya orang-orang yang diberikan kemudahan kelonggaran syarat tanah perumahan mereka ditukar kepada perniagaan sampingan itu supaya lebih aktif dalam bidang-bidang perniagaan.

Ketika mengulas mengenai pemilik



YANG Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Haji Hussin. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor.

lesen persendirian yang tidak berniaga dan menyewakan lesen kepada orang lain, Yang Berhormat melahirkan kekesalan dan percaya ianya telah menyebabkan peniaga tempatan tidak dapat mengembangkan keupayaan untuk menjadi peniaga-peniaga dan sebaliknya semuanya diserahkan

kepada orang luar dan memenuhi keperluan-keperluan tersebut.

Menjawab persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin mengenai pengusaha-pengusaha bengkel meletakkan keretanya di tepi-tepi jalan, Yang Berhormat menjelaskan, Lembaga Bandaran atau Jabatan Daerah mengambil tindakan dan diberi arahan dan amaran serta dikenakan kompaun.

Cadangan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal mengenai Pekan Muara dijadikan satu daerah, Yang Berhormat mengulas untuk mengangkat daerah itu menjadi bandar.

"Jadi pekan pada masa ini sudah merupakan bandar. Jadi, satu formula untuk difikirkan bersama, kalau ada input maklum balas daripada dewan ini adalah bagi kementerian memikirkan untuk mengangkat daerah-daerah menjadi bandar-bandar. Jadi Brunei akan mempunyai bandar-bandar baharu," ujarnya lagi.

LTRP warga asing dipertimbangkan



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 Mac. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman berkata, Pas Kediaman (Residential Pass) jangka

Laporan : Haji Ahmad Haji Salim

panjang iaitu Pas Kediaman Jangka Panjang (Long Term Residential Pass - LTRP) akan dipertimbangkan untuk diberikan kepada warganegara asing yang tidak layak untuk dihulurkan Taraf Penduduk Tetap (TPT).

Bagaimanapun, tambah Yang Berhormat, terdapat warga asing yang sengaja tidak memohon menjadi penduduk tetap tetapi cuma ingin berada di negara ini bagi tempoh yang lama sebagai ahli perniagaan, perusahaan atau sebagai profesional.

Demikian jelas Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ketika menjawab persoalan yang diusulkan oleh beberapa orang Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) beberapa hari lalu yang diteruskan perbincangannya pada hari kelapan

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh MMN.

Yang Berhormat menambah, LTRP itu adalah juga dimaksudkan untuk menarik pelaburan secara langsung asing ke negara ini dan boleh diperbaharui menurut kesesuaiannya.

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, terangnya, akan melaksanakan garis panduan itu secara berhemah iaitu untuk menentukan jumlah yang akan dihulurkan TPT itu dengan mengambil kira nisbah bangsa atau kaum dan agama supaya bilangannya terkawal dan tidak melebihi kadar tertentu khasnya kadar kelahiran dalam kalangan tujuh puak jati rakyat negara ini.

Berhubung pemohon-pemohon warganegara asing yang menyumbang kepada perekonomian, pembangunan,

kemajuan dan golongan profesional, tambah Yang Berhormat, juga akan diketatkan dengan mengambil kira beberapa perkara, antaranya nisbah jumlah pekerja tempatan berbanding dengan pekerja asing yang diambil bekerja oleh syarikat-syarikat yang dimiliki atau dikawal oleh pemohon sesuai dengan dasar kerajaan meningkatkan peluang pekerjaan yang berkualiti kepada anak-anak tempatan. "Nilai aset atau pelaburan yang dimiliki hendaklah signifikan dan dapat membantu pembangunan sektor swasta dengan penumpuan lebih kepada sektor-sektor yang memberikan nilai tambah seperti perkilangan, pengeluaran dan sebagainya.

"Satu lagi jika pemohon seorang Ahli Lembaga Pengarah atau pemilik syarikat korporat di negara ini dia juga akan dinilai dari aspek kepatuhannya dan syarikatnya kepada keperluan-keperluan tertentu di bawah Akta Cukai Pendapatan," jelas Yang Berhormat.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman. - Foto : Haji Arrifin Mohd. Noor.

Penduduk Tetap nikmati pelbagai kemudahan

Laporan : Haji Ahmad Haji Salim

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 Mac. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman berkata, harus difahami bahawa terdapat dua Kategori Penduduk Tetap di Negara Brunei Darussalam iaitu penduduk tetap warganegara asing dan penduduk tetap yang memang menetap di negara ini.

Jelas Yang Berhormat, warganegara asing berada di negara ini sekian lama tempohnya, termasuk kerana

kekeluargaan dan sebagainya dan memohon menjadi Penduduk Tetap dan diberikan taraf Penduduk Tetap.

"Kedua penduduk tetap juga mereka yang bukan warganegara mana-mana negeri. Tidak juga menjadi rakyat Brunei. Mereka dinamakan *stateless*. Penduduk Tetap *stateless* ini adalah dalam erti kata *orang kitani* Brunei. Tidak lagi ke mana-mana perginya, hendak ke mana pun memang Brunei adalah negerinya," ujarnya semasa menjawab persoalan pada hari kelapan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara (MMN), berlangsung di Bangunan Dewan Majlis, MMN, di sini.

Yang Berhormat percaya pihak-pihak dalam kerajaan yang berkenaan termasuk Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) memikirkan apa lagi keperluan-keperluan yang mereka sepatutnya mendapat pertimbangan daripada pihak kerajaan terutama sekali dari segi skim perumahan dan seumpamanya.

Manakala dari segi kemudahan-kemudahan atau faedah-faedah lain, ujarnya, mereka turut sama menerima faedah subsidi dan anak-anak mereka yang bersekolah apabila diketahui *stateless*, mereka dikecualikan daripada bayaran persekolahan dan diberikan kemudahan-kemudahan tersebut dan sebagainya.

Sementara itu, menjawab usul Yang



YANG Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf. - Foto : Azmah Haji Ahad.

Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin mengenai Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Setia yang kecenderungannya menggunakan tenaga-tenaga kontrak atau perkhidmatannya *dioutsourc* kepada kontraktor dan pekerja-pekerja yang kebanyakannya terdiri daripada pekerja asing dan didapati perkhidmatan dan pekerjaan yang dihasilkan tidak memuaskan dan menjadi sungutan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan perkara itu diambil sebagai ingatan oleh KHEDN dan Jabatan Daerah untuk menilainya.

Berhubung kecenderungan memilih tawaran yang murah dan cadangan untuk pemeliharaan aset kerajaan daerah diserahkan kepada Jabatan Bandaran atau JASTRe, Yang Berhormat berkata, perkara itu, sebagaimana diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan dalam konteks yang sama, ia perlu dirundingkan antara KHEDN dan Kementerian Pembangunan.

Menyentuh usul Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof mengenai kedudukan catatan bangsa dalam Kad Pengenal Kuning (KPK) yang cuma disebutkan Bangsa Melayu, tidak disebutkan tujuh puak Jati, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menjelaskan, ia tidak bertujuan menghapuskannya tetapi kemungkinan perkara ini dibuat dengan niat untuk menunjukkan bahawa tujuh puak itu adalah Bangsa Melayu.

"Dalam hubungan ini kita tidak berfikir secara puak tapi berfikir secara bangsa, itu ideanya. Kalau mengatakan ini sebagai untuk melupakan, apa lagi



YANG Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit. - Foto : Haji Arrifin Mohd. Noor.

untuk menghapuskan tujuh puak, kaola fikir bukan itulah dimaksudkan apabila dalam KPK itu menyatakan bangsa iaitu Bangsa Melayu sahaja," tegasnya.

Ketika menjawab persoalan Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf mengenai peruntukan bagi rumah orang daif atau orang berkeperluan khas, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berkata, Jabatan Daerah mengadakan tabung kutipan daripada orang ramai yang bersedekah atau mendapat sumbangan daripada tenaga sukarela dan sebagainya.

"Mereka melakukan kerja dalam khidmat sosial pada masyarakat. Ini tiada kena-mengena dengan peruntukan kerajaan," jelasnya.

Menjawab persoalan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit untuk menyatukan agensi-agensi Penguatkuasa Undang-Undang di bawah satu bumbung sahaja atau di bawah satu agensi bagi memudahkan pergerakan dan sebagainya, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan, ia tidak praktikal sama sekali kerana agensi-agensi yang terlibat mewakili masing-masing autoriti.

"Autoriti ini adalah autoriti jabatan masing-masing di bawah undang-undang tertentu. Misalnya, kalau melakukan beberapa operasi Jabatan Imigresen disertai juga oleh Jabatan Buruh kerana ada isu-isu, sekalipun Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK), Jabatan Buruh itu di bawah KHEDN, tetapi mereka mempunyai skop yang berlainan di bawah undang-undang.

Jelasnya, apa lagi Pasukan Polis Diraja Brunei, Biro Kawalan Narkotik, Bahagian Hal Ehwal Syariah, Penguatkuasa Merinyunya maka ia tidak praktikal untuk dilaksanakan, masing-masing mempunyai bidang



YANG Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Mohd. Daud bin Karim. - Foto : Azmah Haji Ahad.

kuasa menurut bidang undang-undang yang diberikan kepada mereka.

Mengenai kegiatan perniagaan orang asing sampai ke kampung-kampung dan luar-luar bandar Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyuarakan balik persoalan siapa yang membawa mereka berniaga di sana.

"Kalau datang-datang berjual, membuka kedai tentulah JIPK, Jabatan Buruh, Jabatan Daerah mengambil tindakan, tetapi mereka itu berlesen dan dipunyai oleh orang kitani dan yang membawa itu orang kitani", ujarnya.

Ketika menjawab persoalan Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Mohd. Daud bin Karim mengenai pasport hilang kerana kebakaran dikenakan bayaran BND150 dan dikecualikan apabila ada pengesahan daripada pihak polis, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri akan memastikan kedua-dua perkara yang ditimbulkan itu.

Mengenai masa bekerja yang melebihi waktu dan pekerja tempatan diberi gaji rendah berbanding dengan gaji orang asing, menurut Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, sebenarnya, seperti yang sudah diterangkan usaha mewujudkan *fair package* telah dibuat oleh kementerianya.

Menurutnya, waktu bekerja sudah ada diperuntukkan dalam Undang-Undang Buruh.

"Dan kalau ada sebarang sungutan atau komplon daripada pihak pekerja, aduan sampai ke Pejabat Buruh akan disiasat, memang dalam beberapa kes tertentu hal ini telah pun terjadi dapat diselesaikan dengan baik. Ertinya pihak Jabatan Buruh melakukan tugas-tugasnya di bawah undang-undang untuk melindungi kepentingan pekerja sesuai dengan undang-undang itu," tegasnya.



YANG Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin. - Foto : Azmah Haji Ahad.



SUASANA Persidangan di Dewan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) ketika Ahli-ahli Yang Berhormat sedang bersidang. - Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

22 Pegawai Kadet baru dilantik

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 14 Mac. - Seramai 22 kadet dilantik sebagai Pegawai Kadet baru semasa Upacara Pelantikan Pegawai-Pegawai Kadet Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Pengambilan Ke-12, berlangsung di Mes Pegawai Gurkha, Kem Sungai Akar, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyampaikan lantikan berkenaan ialah Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Seri Pahlawan Mohd. Tawih bin Abdullah.

Upacara tersebut menandakan permulaan latihan selama sepuluh bulan untuk menjadi Pegawai Bertauliah dalam ABDB.

Daripada 22 Pegawai Kadet tersebut, lapan daripadanya akan mengikuti Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB), lima Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) dan sembilan lagi Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB).

Antara pegawai-pegawai berkenaan, dua daripada mereka adalah Pegawai Kadet yang telah dinaikkan daripada pangkat Lans Koperai dari TUDB dan satu lagi Soldadu dari TDDB.

Pegawai-pegawai Kadet berkenaan menjalani latihan selama 42 minggu untuk meningkatkan kepimpinan dan keperibadian mengikut piawaian yang diperlukan.



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Seri Pahlawan Mohd. Tawih bin Abdullah semasa menyempurnakan lantikan Pegawai-pegawai Kadet ABDB.

Kumpulan Syahbah Ufairah johan Pertandingan Dikir

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Azmah Haji Ahad



TIMBALAN Pegawai Turus 'J' Satu MAB, Mejar Dayang Siti Isah binti Haji Abu Talib semasa menyampaikan hadiah kepada johan Pertandingan Dikir berkenaan, Kumpulan Dikir Syahbah Ufairah dari Tentera Darat Diraja Brunei.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 14 Mac.- Kumpulan Dikir Syahbah Ufairah daripada Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB) muncul johan Pertandingan Dikir Syarafil Anam Peringkat Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan Kementerian Pertahanan Sempena Ulang Tahun ABDB Ke-53 Tahun,

2014 Masihi, berlangsung di Surau Bolkiah Garison, di sini.

Sementara Pendikir Kumpulan Muslimah dari Akademi Pertahanan ABDB dan Kumpulan Pendikir Abqariah Hassanah dari Institut Latihan ABDB masing-masing menyandang naib johan dan tempat ketiga di pertandingan tersebut.

Kontinjen IMT selamat tiba ke tanah



SESI bergambar ramai Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei bersama kontinjen IMT.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid, Kamarul Arifin Haji Mohd. Serudin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

RIMBA, Khamis, 13 Mac. - Rombongan seramai lima anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan seorang anggota Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) daripada kumpulan tambahan ke-9 Pasukan Pemantauan Antarabangsa (IMT) Negara Brunei Darussalam ke Mindanao telah selamat pulang ke tanah air setelah selesai melaksanakan tugas di Bandaraya Cotabato, Mindanao, Republik Filipina.

Kontinjen IMT itu diketuai oleh 633 Mejar Abdul Mubin bin Haji Timbang, 805 Kapten (U) Haji Ilhamdi bin Haji Mohd Ali, Timbalan Superitenden Mohd Noorani bin Hussain, 10357 PW2 Abdul Majid bin Mohd Salleh, 10496 PW2 (L) Rahim bin Haji Ibrahim dan 10862 PW2 Suhardi bin Haji Asli.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Pangkalan Tentera Udara Diraja Brunei, Rimba, di sini ialah Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Seri Pahlawan Mohd Tawih bin Abdullah.

Juga hadir ialah Pesuruhjaya Polis, Dato Seri Pahlawan Awang Bahrin bin Mohd Noor.

Acara dimulakan dengan Hormat Panglima dan bacaan Surah Al Faatihah dan seterusnya membuka Toha.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah ahli-ahli Jawatankuasa Komite Pertahanan, pengarah-pengarah awam dan tentera serta pegawai-pegawai kanan dan anggota dari Kementerian Pertahanan dan ABDB.

Sementara itu, Pesuruhjaya Polis, Dato Seri Pahlawan Awang Bahrin semasa ditemu bual oleh wakil **PELITA BRUNEI** antara lain menjelaskan bahawa, dengan adanya penglibatan PDB ini adalah dipertanggungjawabkan untuk memantau bagi IMT di Mindanao.

“Apa pun tugas yang diatitkan di sana, pihak kontinjen Brunei akan sentiasa mengikuti semua arahan yang sudah ditentukan. Pihak PDB akan sentiasa memberikan sokongan dan akan menghantar pegawai-pegawai untuk mewakili Negara Brunei Darussalam,” ujarnya.

Tambah Dato Seri Pahlawan Awang Bahrin, komitmen pasukan dengan kerjasama pasukan ini sedikit sebanyak dapat memberikan pendedahan untuk PDB dalam urusan-urusan tugas pemantauan.



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Seri Pahlawan Mohd. Tawih bin Abdullah semasa majlis berkenaan.



PESURUHJAYA Polis Diraja Brunei, Yang Mulia Dato Seri Pahlawan Bahrin bin Mohd. Noor semasa ditemu bual oleh wakil **PELITA BRUNEI**.

Hadir selaku tetamu kehormat dan kemudiannya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Timbalan Pegawai Turus 'J' Satu MAB, Mejar Dayang Siti Isah binti Haji Abu Talib.

Pemenang johan yang membawakan dikir 'Badat Lana' menerima hadiah piala pusingan, piala iringan, piala perseorangan dan sijil, manakala naib johan dan tempat ketiga pula masing-masing menerima hadiah piala iringan, piala perseorangan dan sijil.

Terdahulu sebelum itu, Pemangku Pengerusi Majlis, Leftenan Fahziileana Emey binti Haji Ahmad Alisa Eswan dalam ucapannya

menyatakan bahawa, pertandingan itu adalah hasrat bagi menampilkan para pegawai serta anggota ABDB dalam membawakan lagu-lagu Dikir Syarafil Anam yang merupakan salah satu khazanah budaya yang bercorak keagamaan khususnya bagi masyarakat melayu Islam di Negara Brunei Darussalam.

“Kebolehan serta keupayaan dalam membawakan lagu-lagu dikir yang terdapat di dalam rangkap-rangkap syair pujian kepada Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagaimana yang terkandung di dalam Dikir Syarafil Anam tentunya bukan satu perkara

yang mudah untuk diingat dan dibawa,” jelasnya.

Oleh itu, beliau berharap agar pertandingan ini membawa kita ke arah mencapai matlamat besarnya kepada melahirkan para pegawai serta anggota yang berkebolehan dalam membawakan Dikir-Dikir Syarafil Anam, di samping meningkatkan rasa kasih dan cinta kita terhadap Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sebanyak enam pasukan dikir yang terdiri daripada para pegawai dan anggota wanita ABDB yang mewakili unit masing-masing menyertai pertandingan berkenaan.

Menerapkan keimanan, nilai nurani kalangan pelajar

Oleh: Saerah Haji Abd. Ghani, Norrasidah Jumat
Foto: Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Mac.- seramai 359 pelajar Tahun 4 hingga Tahun 6 sekolah rendah kerajaan dan swasta dari Daerah Brunei Muara dan Temburong mengikuti Program At-Tarbiah Wa-Takzirah.

Para peserta melibatkan 234 pelajar daripada 71 buah Sekolah Rendah Kerajaan dan 125 pelajar daripada 27 buah Sekolah Rendah Swasta.

Program itu sebagai salah satu usaha untuk mendukung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam dalam mengatasi gejala sosial dalam kalangan pelajar.

Acara kelolaan Jabatan Pengajian Islam, melalui Unit Sekolah Rendah Kerajaan dan Swasta, Bahagian Islamic Religious Knowledge dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Ketua-ketua Guru Ugama Sekolah Rendah Kerajaan dan Swasta berlangsung di Masjid Universiti Brunei Darussalam (UBD) itu bertujuan untuk memberikan bimbingan, panduan dan motivasi kepada pelajar-pelajar sekolah rendah.

Hadir selaku tetamu



SETIAUSAHA Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof semasa hadir pada Program At-Tarbiah Wa-Takzirah berlangsung di Masjid Universiti Brunei Darussalam.

kehormat ialah Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof.

Atur cara program bermula dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran diikuti dengan Ikrar dan Zikir Munajat beramai-ramai.

Sementara itu, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Jufri bin Haji Hidup dalam Tazkirah Khas bertajuk ‘Tanggungjawab Anak Kepada Kedua Ibu Bapa dan Kasih Ibu Membawa Ke Syurga’ menerangkan mengenai tanggungjawab yang harus

dipikul oleh seseorang yang bergelar anak.

“Sebagai seorang anak, kita patut bersyukur kepada Allah Subhanahu Wataala dan bersyukur kita mempunyai kedua ibu bapa kerana mereka inilah kita lahir ke dunia ini dan tanpa mereka siapalah kita”, tegasnya.

Beliau menjelaskan, seorang anak juga seharusnya sentiasa mencuba untuk menjadi seorang anak yang baik, taat kepada perintah Allah dan rasul-Nya dan dalam masa yang sama taat kepada kedua ibu bapa sampai bila-bila kerana fakta dan realiti ilmu ini tetap sama untuk wajib taat kepada

kedua ibu bapa.

Selain itu jelasnya, seorang anak juga seharusnya sentiasa berkorban apa saja untuk kebahagiaan kedua ibu bapa kerana inilah salah satu tugas yang ada atau yang perlu ada kepada seorang anak yang soleh dan solehah.

Matlamat program adalah untuk membentuk para pelajar mempunyai asas keimanan yang kukuh merangkumi bidang ibadah sama ada duniawi atau ukhrawi, di samping bertujuan untuk menerapkan dan menghayati nilai-nilai nurani dengan mengamalkan cara kehidupan selaku individu Islam.

Program ini merupakan kesinambungan Rancangan Strategik Jabatan Pengajian Islam 2010-2014 bertujuan sebagai satu langkah ke arah memperkukuhkan penghayatan beragama dalam kalangan pelajar peringkat sekolah dengan meningkatkan kesedaran mengenai cara melaksanakan ibadah yang betul untuk menjana minda peserta bagi kesedaran hidup beragama.

Selain itu, program ini juga dapat membentuk peribadi dan ahlak mulia serta meningkatkan jati diri dalam kalangan pelajar tambahan pula semasa musim cuti sekolah.

Saudara baru terima enjin generator, tangki air



PEMANGKU Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Awang Abdul Aziz bin Haji Abdul Kahar menyerahkan sumbangan kepada saudara baru, Dayang Nur Lenteh binti Abdullah bersama suaminya.

Berita dan Foto : Aryentty Haji Ariffin

TUTONG, Sabtu, 15 Mac. - Kebajikan saudara-saudara baru di negara ini terus diberikan perhatian oleh pelbagai pihak yang berkepentingan terutama Pusat Da'wah Islamiah (PDI).

Dalam usahanya untuk terus memikul tanggungjawab memberikan perhatian kepada saudara-saudara baru di negara ini, PDI hari ini menyerahkan bantuan berupa enjin generator dan tangki air kepada saudara baru di daerah ini, Dayang Nur Lenteh binti Abdullah.

Majlis Penyerahan Bantuan berkenaan berlangsung di Tapak Penanaman Padi Berkelompok Kampung Lamunin, Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan penyampaian mesin-mesin tersebut ialah Pemangku Penolong Pengarah PDI, Awang Abdul Aziz bin Haji Abdul Kahar.

Semasa ditemu bual oleh wakil PELITA BRUNEI, Awang Abdul Aziz menjelaskan bantuan ini merupakan salah satu daripada tanggungjawab PDI dalam memeduli saudara-saudara baru di negara ini.

Dengan adanya bantuan sedemikian ianya akan memudahkan mereka menjalani kehidupan seharian yang merupakan salah satu tanggungjawab yang dituai oleh PDI, khususnya Unit

Dakwah Khas di dalam memeduli saudara-saudara baru sebagai satu tanda prihatin ataupun ingin melihat saudara-saudara baru hidup seperti orang lain dalam menjalani kehidupan seharian.

“Dengan adanya bantuan ini, PDI akan dapat memberikan mereka ruang dan peluang untuk hidup lebih selesa dan harmoni dan tidak ada lagi saudara baru yang akan terpinggir daripada arus pembangunan negara sebagaimana kita menuju kepada matlamat Negara Zikir yang mana kita juga mempergiatkan dakwah di dalam aspek bantuan dalam sama-sama mengharungi kemajuan yang dikecapi oleh semua rakyat di Negara Brunei Darussalam ini,” ujarnya.

Bantuan-bantuan seumpamanya akan dilaratkan ke daerah-daerah lain memandangkan PDI juga mempunyai unit-unit dakwah khas dan pembangunan mualaf dalam memeduli saudara-saudara baru.

Penerima bantuan, Dayang Nur Latifah Lenteh, 52 tahun, telah memeluk agama Islam pada 27 Oktober 2011 yang mana hasil perkongsian hidup bersama suaminya yang merupakan seorang saudara baru rakyat Malaysia telah dikurniakan seorang anak.

Turut hadir ialah Ketua Pegawai Ugama Daerah Tutong, penghulu dan ketua kampung Mukim Lamunin, pegawai-pegawai dan kakitangan dari PDI dari Bandar Seri Begawan dan Pusat Dakwah Daerah Tutong.

Menyuntik motivasi menjadi mukmin sejati

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abd Karim

TEMBURONG, Sabtu, 15 Mac. - Program Ziarah Dakwah bertujuan membuka peluang kepada mahasiswa/mahasiswi Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) memberikan khidmat bakti secara sukarela kepada saudara-saudara baru sekali gus membina generasi muslim yang kukuh akidah dan patuh kepada syariat.

Berlangsung di Balai Ibadat Kampong Semabat, Mukim Bokok, program tersebut disertai oleh seramai 60 orang termasuk mahasiswa/mahasiswi KUPU SB, kakitangan Hal Ehwal Pelajar KUPU SB, ahli Majlis Tertinggi Perwakilan Pelajar dan ahli Jawatankuasa Keagamaan dan Takmir Surau Siswa/Siswi.

Beberapa aktiviti telah disusun dalam program tersebut seperti kuiz dakwah bagi kanak-kanak, menghalusi bacaan Surah Al Faatihah, menghalusi bacaan dan perbuatan ketika bersembahyang termasuk menghalusi niat dan perbuatan wudhu.

Menurut ketua rombongan, Ustaz Haji Roslan bin Haji Untong yang juga Dekan

Bahagian Hal Ehwal Pelajar/Pensyarah KUPU SB, program itu mempunyai objektif untuk menziarahi saudara-saudara baru bagi menyelami dan menghayati penghayatan mereka tentang Islam.

Di samping itu jelasnya, program tersebut juga untuk memupuk rasa kehambaan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala selain memberikan suntikan semangat motivasi untuk menjadi mukmin sejati.

Beliau juga menjelaskan, program dakwah seumpama ini pernah dilakukan semasa KUPU SB masih dikenali sebagai Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan dan setelah dinaik taraf sebagai universiti program yang sama telah dijadikan sebagai satu ‘task’ yang diberikan kepada para pelajar supaya mereka mempunyai pengalaman, pendedahan dan juga berinteraksi dengan masyarakat

Program dianjurkan bersama Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Majlis Perwakilan Pelajar, Mahasiswa dan Mahasiswi Diploma Perguruan Ugama Lepasannya Ijazah KUPU SB dan Unit Dakwah Daerah Temburong.



ANTARA aktiviti semasa Program Ziarah Dakwah KUPU SB ialah menghalusi bacaan dan perbuatan saudara-saudara baru ketika bersembahyang.

PERNIAGAAN merupakan salah satu punca mata pencarian yang lazim memberi pulangan yang lumayan kepada pengusahanya. Malah dalam Islam juga ada mengatakan 90 peratus rezeki adalah dari perniagaan. Malah sebelum Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam diangkat oleh Allah Subhanahu Wata'ala menjadi Rasul Allah, Baginda sendiri adalah seorang peniaga yang handal dan bijak yang diamanahkan oleh Sayidatina Khadijah untuk menjalankan perniagaannya sehingga mendapat keuntungan yang besar.

Trend perniagaan masa kini juga sudah berubah yang mana ia tidak saja tertumpu dengan membuka kedai, malah juga boleh dibuka secara *online*, *direct selling*, menyewa locker kecil dalam kedai dan sebagainya dan tinggal hanya belia itu sendiri punya kemahuan atau sebaliknyanya.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh Mesyuarat Negara bertitah:

"Dengan trend perniagaan dan perdagangan dunia hari ini, para belia kita sangatlah perlu meningkatkan diri sendiri dari segi kemahiran dan ilmu pengetahuan. Dengan kemahiran dan pengetahuan yang tinggi, insya-Allah, mereka akan menjadi lagi lebih kreatif dan mampu untuk bersaing. Oleh itu, perbincangan di Dewan ini perlulah juga untuk turut memikirkan isu-isu strategik seperti ini."

"Dalam hal ini, beta gembira dengan usaha yang diambil oleh Kementerian Pendidikan dan agensi-agensi lain dalam Kerajaan untuk meningkatkan lagi tahap literasi bisnis kepada para belia dan penuntut dengan menerapkan unsur-unsur entrepreneurship di dalam kurikulum pendidikan di negara ini. Memang sudah tiba masanya untuk negara melahirkan ramai lagi ahli perniagaan yang berjaya di kalangan anak-anak tempatan."

PERUNTUKAN, INISIATIF

Negara Brunei Darussalam melalui beberapa agensi kerajaan sememangnya menyedari pentingnya belia-belia ini dilengkapi dengan ilmu perniagaan berupa kursus-kursus atau mentorship sebagai sokongan bagi mereka untuk mengembangkan perniagaan. Oleh itu pihak kerajaan telah menyediakan beberapa peruntukan untuk tujuan tersebut.

Lahirkan ramai lagi ahli perniagaan berjaya

Oleh : Norlia Md. Zain
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

Menurut Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim semasa membentangkan Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan 2014/2015 Majlis Mesyuarat Negara 2014 menjelaskan sejumlah BND800,000 lagi disediakan bagi mendukung program-program yang diuruskan kepada melahirkan belia berbakat. Ini termasuklah bagi menggalakkan dan membantu belia-belia untuk menceburi bidang perniagaan kecil-kecilan seperti dalam bidang mekanik kereta dan lain-lain. Manakala sebanyak BND2 juta juga disediakan di bawah Fokus Perbelanjaan bagi membolehkan agensi-agensi Kerajaan seperti Pusat Pembangunan Belia dan Pusat Pembangunan Usahawan melaksanakan pembelian-pembelian peralatan bagi memudahkan serta meningkatkan lagi tahap latihan atau kursus yang dikendalikan.

Menurut Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) peruntukan khusus bagi Projek Brunei SME Service Centre (BSSC) disediakan sebanyak BND698,000.00 di bawah Bahagian Pusat Pembangunan Keusahawanan turut disediakan di bawah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Sejumlah BND1 juta juga disediakan di bawah Fokus Perbelanjaan bagi mendukung usaha-usaha untuk menggalakkan pertumbuhan PKS termasuk bagi penyediaan infrastruktur dan peralatan-peralatan yang bersesuaian bagi industri-industri yang menjana kepelbagaian ekonomi.

Di bawah Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei pula kata Yang Berhormat, beberapa inisiatif akan diteruskan yang antara lainnya termasuklah bagi program pembiayaan Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana yang diperuntukkan sebanyak BND11 juta dengan Harga Perancangan BND60 juta, Pembangunan Taman Teknologi Anggerek Desa Fasa 3 yang disediakan sebanyak BND20.0 juta

dihasarkan untuk kegunaan Perusahaan-Perusahaan Kecil dan Sederhana, syarikat-syarikat Startups, dan juga agensi yang berkesan dengan Startups dan PKS penyediaan skim-skim bantuan kewangan yang mana antaranya termasuk Skim Kemajuan Syarikat Tempatan yang Berpotensi (Promoting Local Enterprise Development Scheme – PLEDS), dengan peruntukan berjumlah BND15 juta. Skim ini bertujuan untuk memberikan suntikan dana capital melalui pembelian ekuiti syarikat tempatan yang berpotensi bagi membolehkan syarikat menerokai dan bersaing di arena antarabangsa. Dalam skim ini, sasaran ialah untuk membantu suntikan ekuiti di dalam 1-2 buah syarikat tempatan yang berpotensi untuk dikembangkan ke luar negeri setiap tahun.

Bagi menggalakkan budaya keusahawanan dalam kalangan belia, di bawah pengendalian Lembaga Kemajuan Ekonomi dengan usaha sama Kementerian Pendidikan dan Pembangunan memperkenalkan keusahawanan dalam Sistem Pendidikan Negara SPN21. Contoh-contoh program dan subjek yang dimaksudkan antaranya termasuk:

1) Program Pembangunan Keusahawanan Belia yang bertujuan untuk membantu golongan belia mencari pekerjaan ataupun memulakan perniagaan masing-masing, dengan menyediakan micro business grants dengan jumlah maksima BND2,000.00 setiap seorang. Setakat ini, sebanyak 102 buah perniagaan mikro telah menerima bantuan berjumlah hampir BND240,000 yang mana sebahagiannya telah mampu menjana pendapatan bulanan di antara BND1,000 hingga BND3,000 dan ada juga yang mampu menjana sehingga BND6,000 sebulan;

2) Pengubahsuaian Pusat Keusahawanan Belia di Kampung Jaya Setia Mukim Berakas yang dijangka siap pada tahun 2014 ini. Pengubahsuaian ini bertujuan bagi menyediakan ruang niaga bagi

"DENGAN trend perniagaan dan perdagangan dunia hari ini, para belia kita sangatlah perlu meningkatkan diri sendiri dari segi kemahiran dan ilmu pengetahuan."

Dengan kemahiran dan pengetahuan yang tinggi, insya-Allah, mereka akan menjadi lagi lebih kreatif dan mampu untuk bersaing. Oleh itu, perbincangan di Dewan ini perlulah juga untuk turut memikirkan isu-isu strategik seperti ini."

"Dalam hal ini, beta gembira dengan usaha yang diambil oleh Kementerian Pendidikan dan agensi-agensi lain dalam Kerajaan untuk meningkatkan lagi tahap literasi bisnis kepada para belia dan penuntut dengan menerapkan unsur-unsur entrepreneurship di dalam kurikulum pendidikan di negara ini. Memang sudah tiba masanya untuk negara melahirkan ramai lagi ahli perniagaan yang berjaya di kalangan anak-anak tempatan."

- Titah sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh Mesyuarat Negara."

menggalak para belia tempatan untuk menceburi bidang keusahawanan dan dalam menggalak perkembangan pengusaha-pengusaha mikro di Negara ini.

3) Menganjurkan Ekspo Pembangunan Keusahawanan Pelajar (Student Entrepreneurship Development Expo – SEDEX) yang disertai oleh 62 buah sekolah rendah, 22 buah sekolah menengah, sebuah institusi pendidikan teknik, dan tiga buah sekolah swasta. Ekspo ini adalah bertujuan untuk memberikan pendedahan awal pelajar mengenai keusahawanan dalam konteks alam sebenar perniagaan;

4) Projek Entrepreneurship@Campus (E@C) iaitu projek Lembaga Kemajuan Ekonomi dengan kerjasama Universiti Brunei Darussalam dengan sokongan iCentre. Projek ini bertujuan untuk meningkatkan minat para pelajar di institusi pengajian tinggi menceburi bidang keusahawanan. Sejak diperkenalkan pada E@C telah melibatkan hampir 300 pelajar dari beberapa institusi-institusi pengajian tinggi di Negara ini;

5) Projek Perintis Pencapaian Junior (Junior Achievement) iaitu satu projek kolaborasi Lembaga Kemajuan Ekonomi dengan Junior Achievement Worldwide. Projek ini bertujuan untuk memperkenalkan konsep keusahawanan dan celik kewangan di kalangan para pelajar sebagai persediaan awal mereka untuk berjaya di ekonomi global. Sejak diperkenalkan pada suku ketiga 2012, projek ini telah disertai oleh 250 pelajar dari 12 buah sekolah;

6) Skim Pendidikan Keusahawanan Brunei (Brunei Entrepreneurship Education Scheme (BEES)) iaitu usahasama Kementerian Pendidikan dengan Syarikat Brunei Shell Petroleum Sdn Bhd. Skim ini merupakan program inovatif yang mendukung objektif SPN 21 di dalam memperkenalkan kemahiran keusahawanan ke dalam bilik darjah. Setakat ini, sekurang-kurangnya 66 orang pelatih dan mentor terlibat dalam melatih kohort pertama yang terdiri dari 381 orang pelajar dari 17 buah sekolah menengah, manakala pengenalan bagi baki sekolah-sekolah menengah yang lain dijadualkan menjelang tahun 2015; dan

7) Program JumpStart di bawah inisiatif Kementerian Pendidikan bertujuan bagi menerapkan kemahiran keusahawanan di peringkat Pendidikan Teknik dan Vokasional. Setakat ini, bagi kohort pertama, sebanyak 20 syarikat telah

berdaftar bagi menjalankan perniagaan yang melibatkan 72 orang pelajar. Manakala, 78 orang pelajar kohort kedua telah menubuhkan 29 buah syarikat perniagaan.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman semasa menyampaikan usul menjunjung kasih pada sesi petang hari kedua Mesyuarat Pertama Majlis Mesyuarat Negara (MMN) Dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh MMN berkata, kurikulum pendidikan agama pula, sudah terdapat pengenalan hal ehwal berniaga yang mengenalkan sedikit sebanyak ciri-ciri seorang peniaga Islam yang jujur dan amanah iaitu di bawah tajuk 'Al-Muamalat'. Kejujuran dalam menjalankan perniagaan itu adalah penting agar rezeki yang diperoleh itu sentiasa mendapat berkat dari Allah Subhanahu Wata'ala.

Dengan adanya usaha-usaha kerajaan dalam menyediakan tahap literasi bisnis di samping beberapa peruntukan yang ada, menunjukkan kesungguhan pihak kerajaan dalam usaha mempelbagaikan ekonomi dan yang penting mengurangkan kebergantungan para belia kepada kerajaan.


Ketua Unit Program Keusahawanan Belia dan Perhubungan Antarabangsa di Pusat Belia, Pengiran Kamal Ghadafi bin Pengiran Haji Suhaimi ketika ditemu bual berpendapat sememangnya banyak cabang perniagaan yang boleh diceburi oleh para belia, tidak hanya terhad kepada pemakanan dan multimedia, malah boleh melangkaui urusan hartanah, pengangkutan, pelancongan dan lain-lain lagi. Menurutnya, syarikat perkhidmatan adalah antara yg dapat banyak memainkan peranan besar kepada para belia di dalam bidang perniagaan, e.g membuka kedai runcit yg moden dan terkini.

Tegasnya lagi membuka sesebuah perniagaan bukanlah perkara yang mudah. Oleh itu kurikulum literasi bisnis yang sedia ada adalah penting. Program seperti ini ada di mana-mana tinggal lagi kemahuan belia itu sendiri untuk merebutnya.

Apa yang lebih penting, para belia itu juga mesti digalakkan menceburi bidang bisnis. Mereka digalakkan untuk menyertai persatuan belia yang aktif berniaga adalah perlu kerana kita hendaklah menjadi seorang pengusaha yang kemudiannya akan dapat memahami dan seterusnya membantu pengusaha lain.



GAMBAR HIASAN ... Negara memang berhasrat untuk melahirkan lebih ramai lagi peniaga yang berjaya dalam kalangan anak-anak tempatan, dan berniaga di gerai-gerai sememangnya langkah permulaan yang baik terutama bagi mereka yang baru-baru berjinak dalam perniagaan.



SAMBUNGAN MINGGU LEPAS

Memperoleh Fadhillat Berjama'ah Dalam Sembahyang Jumaat

BAGI seseorang memperoleh sembahyang berjama'ah bersama imam pada sembahyang fardhu Jumaat, maka kedudukannya adalah berbeza daripada sembahyang fardhu lima waktu. Secara ringkas, mengerjakan sembahyang fardhu Jumaat secara berjama'ah merupakan fardhu 'ain. Sembahyang fardhu Jumaat disyaratkan dikerjakan secara berjama'ah dengan mencukupkan bilangan 40 orang jama'ah yang sah Jumaatnya (mukallaf, lelaki, merdeka dan bermastautin), dan bilangan ini termasuklah imam Jumaat itu sendiri.

Untuk membolehkan seorang makmum yang masuk mendapati sembahyang fardhu Jumaat, maka hendaklah dia mengikut imam sembahyang fardhu Jumaat paling kurang satu rakaat. Inilah antara perbezaan sembahyang fardhu lima waktu dan sembahyang fardhu Jumaat.

Oleh yang demikian, dalam sembahyang fardhu Jumaat, sekiranya seorang makmum sempat mengikut imam yang akan ruku' pada rakaat yang kedua atau imam yang sedang ruku' pada rakaat yang kedua beserta *thuma'ninah*, maka dia memperoleh sembahyang fardhu Jumaat, iaitu memperoleh satu rakaat. Setelah imam selesai memberi salam, maka makmum yang masuk itu hendaklah bangun untuk menyempurnakan satu rakaat lagi dan kemudian memberi salam.

Sekiranya seorang makmum hanya sempat mengikut imam setelah imam selesai ruku' pada rakaat kedua ataupun ketika imam sujud pada rakaat kedua dalam sembahyang fardhu Jumaat, maka dalam keadaan ini dia tidak memperoleh sembahyang fardhu Jumaat. Bagaimanapun sah dia mengikut imam tersebut, malahan dia memperoleh fadhilat berjama'ah, sekalipun dia tidak memperoleh sembahyang fardhu Jumaat. Oleh yang demikian, makmum tersebut meneruskan sembahyang fardhu Jumaat yang dikerjakannya dan setelah imam sembahyang

Makmum yang masbuk dijadikan Imam

fardhu Jumaat memberi salam, hendaklah dia menyempurnakannya menjadi empat rakaat sembahyang fardhu Zohor, kemudian diakhiri pada rakaat ke empat dengan salam.

Berimamkan Seorang Makmum

Melihat kepada ganjaran dan kelebihan sembahyang berjama'ah sebagaimana yang disebutkan dalam hadits di atas dan pandangan para ulama yang telah disebutkan terdahulu, maka tidak hairanlah kenapa sesetengah orang melazimkan sembahyang secara berjama'ah serta tidak mahu melepaskan peluang untuk merebut ganjaran tersebut.

Mengenai sembahyang berjama'ah dan mengikut imam ini, timbul pula satu persoalan, iaitu apakah hukumnya jika seseorang yang hendak menunaikan sembahyang secara berjama'ah dengan menjadikan atau mengikut seorang makmum yang masuk sebagai imam? Penjelasan ringkas mengenainya seperti berikut.

Untuk melakukan sembahyang secara berjama'ah, perlu ada seorang imam dan jama'ah. Sembahyang berjama'ah itu terhasil dengan dua orang, iaitu seorang imam dan seorang makmum, ataupun lebih. Antara syarat sah mengikut seorang imam atau menjadikannya imam ialah imam tersebut hendaklah bukan terdiri daripada seorang makmum dan tidak pula ada syak atau keraguan sama ada dia seorang imam ataupun makmum.

Persoalannya bagaimanakah yang dimaksudkan berimamkan seorang makmum itu? Sebagai contoh, Ahmad mendapati sekumpulan orang sedang sembahyang berjama'ah mengikut seorang imam, lalu dia menjadikan salah seorang daripada makmum itu sebagai imam, sedangkan makmum tersebut masih atau sedang menjadi makmum kepada imam yang sedia ada. Dalam keadaan ini, ulama sepakat (*ijma'*) mengatakan bahawa kedudukan sembahyang Ahmad dengan berimamkan seorang makmum tersebut adalah tidak sah. Ini kerana seseorang itu tidak boleh menjadi imam dan juga makmum dalam satu masa yang sama. Dengan kata lain, orang yang hendak diikuti itu tidak boleh mengikut orang lain ataupun sedang berimamkan orang lain.

Bagaimanapun maksud 'tidak sah mengikut seorang makmum' itu tidaklah termasuk jika makmum itu sudah terputus daripada mengikut imam.

Sebagai contoh, Ahmad mendapati sekumpulan orang sedang mengikut seorang imam sembahyang berjama'ah, bukan dalam sembahyang Jumaat. Apabila imam selesai memberi salam, salah seorang makmum yang masuk pun seterusnya berdiri untuk menambah dan menyempurnakan bilangan rakaatnya. Pada ketika ini, jika Ahmad menjadikan makmum yang masuk itu sebagai

UNTUK melakukan sembahyang secara berjama'ah, perlu ada seorang imam dan jama'ah. Sembahyang berjama'ah itu terhasil dengan dua orang, iaitu seorang imam dan seorang makmum, ataupun lebih. Antara syarat sah mengikut seorang imam atau menjadikannya imam ialah imam tersebut hendaklah bukan terdiri daripada seorang makmum dan tidak pula ada syak atau keraguan sama ada dia seorang imam ataupun makmum.

imam, maka hukum sembahyang Ahmad adalah sah.

Inilah pendapat Imam Ibn Hajar *Rahimahullah* bahawa hukum sembahyang seseorang dengan cara yang disebutkan di atas adalah sah dan tidak dihukumkan makruh.

Berniat Menjadi Imam Pada Pertengahan Sembahyang Dan Caranya

Pada dasarnya, niat *imamah* atau niat menjadi imam, melainkan dalam sembahyang fardhu Juma'at, bukanlah suatu syarat yang menentukan sahnya sembahyang berjama'ah atau sebaliknya. Bagaimanapun berniat menjadi imam dalam sembahyang adalah sunat. Perkara ini disunatkan agar dia (yang menjadi imam) juga mendapat fadhilat berjama'ah. Oleh yang demikian, walaupun dia (yang menjadi imam) tidak berniat menjadi imam, sembahyang berjama'ah itu tetap sah melainkan dalam sembahyang Jumaat.

Oleh kerana itu, seorang yang sedang mengerjakan sembahyang secara bersendirian, apabila datang orang lain menyertainya sebagai makmum untuk mengerjakan sembahyang secara berjama'ah, maka sunat bagi orang yang mengerjakan sembahyang secara bersendirian itu berniat menjadi imam.

Pada pendapat al-Qadhi Husain *Rahimahullah*, apabila seorang yang sedang mengerjakan sembahyang secara bersendirian, lalu datang orang lain menyertainya sebagai makmum, sedangkan dia (orang yang dijadikan imam) tidak mengetahui akan perkara ini (berjama'ah), maka dia mendapat fadhilat berjama'ah kerana mereka (para makmum) memperoleh fadhilat jama'ah tersebut disebabkan olehnya (orang yang dijadikan imam). Sekiranya dia (orang yang dijadikan imam) mengetahui bahawa niat mereka yang menyertainya adalah untuk berjama'ah dengannya, akan tetapi dia tidak berniat (memasang niat) sebagai imam, maka dalam situasi ini dia tidak memperoleh fadhilat berjama'ah tersebut.

Selain itu, perlu juga diketahui bahawa imam

sembahyang berjama'ah akan mendapat pahala sembahyang secara berjama'ah bermula daripada ketika dia berniat menjadi imam. Adapun mengenai cara memasang niat untuk menjadi imam pada pertengahan sembahyang, maka memadailah seseorang itu berniat di dalam hatinya untuk menjadi imam.

Walau bagaimanapun hukum niat berjama'ah atau mengikut imam bagi makmum adalah berbeza. Antara syarat sah sembahyang seseorang yang mengikut imam ialah niat mengikut imam, atau niat berjama'ah atau niat menjadi makmum. Bagi makmum, niat mengikut imam itu dilakukan pada ketika mengangkat takbiratul ihram.

Sebagai kesimpulan, peluang untuk melaksanakan sembahyang secara berjama'ah itu janganlah dilepaskan dan disia-siakan begitu sahaja melihat kepada fadhilat yang menguntungkan yang bakal diraih. Di samping itu, dianjurkan melaksanakan sembahyang berjama'ah itu dalam bilangan yang lebih banyak kerana ia lebih disukai di sisi Allah Ta'ala dan adalah lebih afidhal dengan mendapat pahala yang berganda.

Demikian juga, seseorang yang mengikut imam (berjama'ah) dari awal sembahyang imam akan mendapat kelebihan yang banyak dan ganjaran pahala yang lebih sempurna berbanding seseorang yang mengikut imam cuma dalam sebahagian sembahyang sahaja.

Sembahyang berjama'ah itu terhasil dengan hanya dua orang ataupun lebih. Antara syarat sah sembahyang berjama'ah hendaklah orang yang dijadikan imam itu bukan seorang makmum. Bagaimanapun jika makmum itu sudah terputus daripada mengikut imamnya, umpamanya imam selesai memberi salam dalam sembahyang dan makmum tersebut bangkit lagi untuk menambah dan menyempurnakan rakaatnya, maka hukum berimamkan makmum (yang masuk) dalam keadaan sedemikian adalah sah.

WALLAHUA'LAM

MASA BERLALU: Lakukan perkara bermanfaat

ALLAH subhanahu Wata'ala menekankan tentang kepentingan masa kepada umat manusia melalui firmanNya dalam Surah al-A'sr yang tafsirnya:

"Demi masa, sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang yang beriman dan beramal salih dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan kesabaran."

Manusia dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dengan agihan masa yang sama rata iaitu dua puluh empat jam sehari semalam. Bergantung pada individu itu untuk mempembagikan dan menguruskan pengisiannya dengan perkara yang berfaedah atau sebaliknya. Pengurusan masa secara teratur ini dapat menentukan perjalanan

hidup seseorang dengan melakukan apa yang terdaya dan termampu oleh kita, kerana kita semakin menyedari bahawa masa semakin pantas bergerak. Orang yang berjaya ialah mereka yang merancang masa mereka sebaik mungkin dan melibatkan dirinya dengan pelbagai aktiviti pengisian minda yang mencetuskan kemanfaatan bersama.

Memperlekehkan masa akan menimbulkan implikasi yang amat merugikan contohnya mengabaikan waktu berlalu begitu saja dengan bercakap kosong, bergurau senda mengenai perkara yang tidak berfaedah, menghina dan mengumpat yang mengakibatkan rapuhnya hubungan silaturahim dan menimbulkan perpecahan dalam kalangan masyarakat sesama Islam. Terjebak dengan aktiviti yang tidak sihat

seperti lepak, mengambil pil-pil khayal, mengikuti kumpulan-kumpulan black metal yang kesemuanya menjurus ke arah kerugian terhadap diri sendiri, agama, keluarga dan negara. Hiburan memang diperlukan dalam kehidupan kita tetapi tidaklah secara keterlaluan, memenuhi masa yang terluang dengan berhibur secara keterlaluan seperti berkunjung ke pusat-pusat hiburan yang boleh melalaikan dan mengakibatkan terjadinya pergaulan bebas dan perbuatan-perbuatan maksiat mula menular akan merosakkan minda dan akhlak mereka yang terlibat. Pembaziran masa tanpa disedari iaitu dengan berhibur melalui media elektronik dan telekomunikasi juga boleh menjerumuskan masyarakatnya ke arah kerugian kerana dengan melayari internet, seseorang itu akan menghabiskan masa berjam-jam lamanya



untuk mencari informasi yang dikehendaki, sekiranya informasi yang memberikan input yang baik setentunya akan mendatangkan keuntungan bersama untuk dikongsiakan tetapi jika sebaliknya akan mendatangkan kerugian yang banyak.

Masa yang ada seharusnya dimanfaatkan oleh kita sebaik mungkin. Masyarakat perlu memikirkan kepentingan masa yang terluang sepatutnya digunakan untuk perkara yang mendatangkan pembaharuan dalam kehidupan kita dan menjadikannya sebagai suatu pengalaman yang paling bernilai sama ada untuk kepentingan sendiri, keluarga, masyarakat, negara dan agama.

Pantai Serasa dilengkapi pelbagai kemudahan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani,
Kamarul Arifin Haji Md. Serudin
Foto : Masri Osman, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) berkenan berangkat bagi merasmikan Majlis Pembangunan Semula Pantai Serasa.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota di Pantai Serasa, di sini dijunjung oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Faatihah dan doa selamat oleh Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin.

Sejurus selepas itu Duli Yang Teramat Mulia berkenan merasmikan Pembangunan Semula Pantai Serasa dan seterusnya menandatangani plak perasmian.

DYTM kemudian berkenan menerima pesambah daripada Menteri Pembangunan.

Pada majlis perasmian itu, DYTM juga berkenan menyaksikan pameran Pelaksanaan Pembangunan Semula Pantai Serasa dan seterusnya berkenan meninjau gerai-gerai serta kemudahan Pantai Serasa.

Sebelum dijunjung berangkat ke Majlis Santap, DYTM berkenan menyertai sesi bergambar ramai bersama Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Rancangan Kemajuan Negara (RKN).

Pantai Serasa telah ditutup sementara sejak 27 Januari lalu untuk memberi laluan bagi kerja-kerja menaik taraf dan pembinaan tambahan kemudahan-kemudahan taman. Pelaksanaan projek bernilai

kira-kira BND3.45 juta di bawah RKN Ke-10 yang dikendalikan oleh Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe), Kementerian Pembangunan itu memakan masa selama enam minggu.

Projek tersebut dianugerahkan kepada usahasama Perundangan Primareka, KRKamarulzaman & Associates, MRBC Partnership dan Arkitek RekaJaya.

Antara lain projek ini merangkumi pembinaan prasarana jalan masuk yang lebih teratur dan trek basikal, penambahan kemudahan-kemudahan pantai seperti tempat berjaja yang sesuai dan mengandungi kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air dan elektrik, tempat letak kereta yang teratur, surau, tandas, pondok rehat, pondok pengawal keselamatan, tempat permainan kanak-kanak dan peralatan-peralatan bersenam.

Orang ramai dan pengunjung di harap akan dapat menggunakan

dan menghargai kemudahan-kemudahan yang disediakan dan ditetapkan oleh JASTRe.

Juga hadir pada majlis itu ialah Menteri Kewangan II (Kedua) di JPM, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim; Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

Turut hadir ialah Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi RKN, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan menyaksikan pameran Pelaksanaan Pembangunan Semula Pantai Serasa dan seterusnya berkenan meninjau gerai-gerai dan kemudahan Pantai Serasa (atas).

DYTM berkenan berangkat ke Majlis Santap Tengah Hari bersama ahli-ahli jawatankuasa majlis (kiri).

DYTM berkenan menyaksikan pameran dan menerima penerangan ringkas mengenai Pelaksanaan Pembangunan Semula Pantai Serasa oleh seorang pegawai Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe), Kementerian Pembangunan (atas kanan).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) berkenan menyertai sesi bergambar ramai bersama Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Rancangan Kemajuan Negara (RKN).



DYTM berkenan merasmikan Pembangunan Semula Pantai Serasa dan seterusnya menandatangani plak perasmian (kanan), sementara gambar kiri, DYTM berkenan berinteraksi bersama para penjaja gerai di pantai tersebut.





IKLAN JAWATAN - JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

PENGIKLANAN JAWATAN MENURUT PERATURAN 7 (A)
DARIPADA PERATURAN - PERATURAN PEGAWAI - PEGAWAI KERAJAAN (LANTIKAN - LANTIKAN DAN KENAIKAN PANGKAT)
AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM.

IKLAN ADALAH DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI DAN PEGAWAI - PEGAWAI KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT
DALAM PERKHIDMATAN AWAM.

TARIKH IKLAN: 19 MAC 2014. TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 02 APRIL 2014 BILANGAN IKLAN:12/03/14 (SPA/BIKL)

PERATURAN 7 (a)

Syarat-Syarat Am :

- PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian Ugama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di negara ini.
- Cara permohonan - Rujuk di ruang **PEMBERITAHUAN**.

**1. PEGAWAI PERKHIDMATAN PENGURUSAN
JABATAN PERKHIDMATAN PENGURUSAN
JABATAN PERDANA MENTERI
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN) ATAU
B.2 (\$2,270 - \$3,760 SEBULAN)
KEKOSONGAN=1**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) TANGGAGAJI B.2 EB.3:

Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang berikut atau bidang bersesuaian:

- *Business Administration / Management*
- *Public Administration*
- *Industrial / System Engineering*
- *Psychology / Behavioural Science / Organisation Development*
- *Economics / Statistics / Mathematics / Accounting*
- *Management Science / Operations Research*
- *Computer Science / Computational Science*
- *Law*

b) TANGGAGAJI B.2:

i) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang *Management Science / Business Administration / Public Administration* atau bidang bersesuaian serta sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan berkaitan dalam tanggungaji C.3 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

ii) Sedang berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Pengurusan sebagai Penolong Pegawai Perkhidmatan Pengurusan dalam tanggungaji C.3 tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

iii) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggungaji C.3 tidak kurang dari 9 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

2. Mempunyai kepakaran dan kemahiran dalam bidang perkhidmatan pengurusan yang bersesuaian serta pengalaman dalam penyediaan kertas-kertas kerja yang berupa penelitian serta konsep yang berhubung dengan bidang tersebut.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PERKHIDMATAN PENGURUSAN:

- Tugas-tugas dan tanggungjawab Pegawai Perkhidmatan Pengurusan ialah menyumbang khidmat kepakaran pengurusan kepada Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan dalam Perkhidmatan Awam dan mengembang serta memajukan konsep dan teknik-teknik pengurusan moden untuk digunakan oleh pihak Perkhidmatan Awam.
- Membantu pihak pengurusan kementerian dan jabatan dalam Perkhidmatan Awam dalam usaha untuk memperbaiki serta meningkatkan lagi tahap keberkesanan dan kecekapan kementerian dan jabatan masing-masing melalui kajian-kajian yang melibatkan perkembangan organisasi, sistem dan penggunaan sumber-sumber pengurusan.
- Bertanggungjawab terus kepada Pegawai Perkhidmatan Pengurusan Kanan dan Ketua Pegawai di bahagian masing-masing.

2. JURUTERA

**JABATANARAH PEMBANGUNAN DAN
PERKHIDMATAN KERJA
KEMENTERIAN PERTAHANAN
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN) ATAU
B.2 (\$2,270 - \$3,760 SEBULAN)
KEKOSONGAN=1**

KELAYAKAN MINIMUM:

- Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Kejuruteraan Awam / Bangunan / Mekanikal / Elektrikal atau bidang bersesuaian.
- Mempunyai pengalaman yang luas dalam mengendalikan projek-projek Kerajaan adalah keutamaan.
- Ahli kepada Pertubuhan Professional yang diiktiraf seperti ICE (UK), IMECHE (UK), IEE (UK) atau mempunyai kelulusan yang bersesuaian adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JURUTERA:

- Melaksanakan, menyelenggara, menyelaras perancangan bagi kerja-kerja pemeliharaan estet serta peruntukan belanjawan.
- Memantau dan mengawas kontrak-kontrak penggal, projek-projek dan sebutharga yang dikendalikan oleh Bahagian Pemeliharaan Estet seperti yang diarahkan, termasuk laporan-laporan yang bersangkutan dengannya.
- Membantu/memberi khidmat nasihat teknikal kepada "Vote Controller" / Pemerintah Garison di dalam pelaksanaan pemeliharaan estet.
- Membuat laporan-laporan yang bersangkutan dengan pemeliharaan estet, belanjawan dan pentadbiran.
- Memberikan khidmat nasihat terhadap perkara yang berhubungkait dengan kejuruteraan awam dan struktur.
- Membantu dan menunjuk ajar pegawai teknikal serta mentadbir dan mengurus pegawai dan kakitangan di bawah jagaannya.
- Melaksanakan kerja-kerja seperti yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.

**3. PEMBANTU KESIHATAN
JABATANARAH PENTADBIRAN DAN
TENAGA MANUSIA
KEMENTERIAN PERTAHANAN
D.4 EB.5 (\$1,225 - \$1,625 SEBULAN)
KEKOSONGAN = 1**

KELAYAKAN MINIMUM:

- a) BDTVEC/BTEC Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (ND) atau sebanding dalam bidang bersesuaian.
ATAU
b) Sedang berkhidmat di Kementerian Pertahanan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggungaji D.1 tidak kurang dari 5 tahun.
ATAU
c) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggungaji D.3 tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tanggungaji D.1 tidak kurang dari 6 tahun.
- Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.
- Mempunyai pengalaman di Bahagian Kesihatan Awam (*Public Health*) adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEMBANTU KESIHATAN:

Bertanggungjawab dalam perkhidmatan sokongan teknikal dalam bidang Kesihatan Alam Sekitar, tugas-tugas tertakluk di mana pegawai berkenaan ditempatkan dalam Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar seperti:

- Bahagian Kawalan Penyakit
- Bahagian Kesihatan Alam Sekitar
- Bahagian Kawalan Kualiti dan Keselamatan Makanan.

Di samping itu Pembantu Kesihatan juga bertanggungjawab dalam membantu pegawai yang lebih kanan untuk:

- Membantu dan menyelaras pentadbir pejabat dan mematai pekerja awam di mana ianya ditempatkan.
- Membuat pemeriksaan kesihatan alam sekitar dan kebersihan di kawasan perkhemahan seperti bangunan, persekitaran kawasan pejabat dan sebagainya.
- Membuat laporan bulanan berkenaan kerja-kerja yang telah dilaksanakan dari semasa ke semasa.
- Membuat penyiasatan berkenaan aduan orang ramai seperti nyamuk, lalat, tikus dan lain-lain untuk mengetahui punca yang menyebabkan gangguan tersebut serta memberi nasihat kepada orang ramai dan membuat tindakan dan keputusan yang perlu menangani permasalahan tersebut.

- Bekerjasama dengan Pegawai Perubatan Unit bagi menaikkan taraf kesihatan anggota tentera dan keluarga bagi mengelakkan sebarang penyakit berjangkit.
- Menyelaras pengambilan contoh-contoh air kolam renang, air paip, air sungai, compo ration, makanan dan lain-lain untuk penganalisaan dan dihantar ke makmal yang berkenaan iaitu makmal Saintifik Kementerian Kesihatan dan makmal Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan.
- Membantu dan memangku tugas-tugas Merinyu Kesihatan Kanan sekiranya diperlukan dari semasa ke semasa atau pegawai ini bercuti atau berkursus.
- Bertanggungjawab ke atas hal ehwal kebajikan pekerja bawahan dari semasa ke semasa.
- Lain-lain tugas yang difikirkan perlu dan diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.

**4. PEMBANTU PAMERAN
JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
D.1-2-3 EB.4-5 (\$530 - \$1,625 SEBULAN)
KEKOSONGAN=1**

KELAYAKAN MINIMUM:

- a) 4 kepujian / Kredit mata Pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa atau sebanding dalam bidang bersesuaian.
ATAU
b) BDTVEC / BTEC *National Trade Certificate Grade 2 (NTC2)* atau sebanding dalam bidang bersesuaian.
ATAU
c) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggungaji E.1 tidak kurang dari 6 tahun.
- Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris serta berkebolehan menulis dan memahami Bahasa Arab dengan baik adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEMBANTU PAMERAN:

- Bertanggungjawab kepada Ketua Bahagian.
- Membantu Pegawai Pameran dalam melaksanakan kerja-kerja projek pameran.
- Bertanggungjawab dalam mengendalikan tugas-tugas pameran dan teknikal.
- Bersedia bertugas di luar waktu pejabat apabila diperlukan.
- Menerima arahan dari semasa ke semasa yang bersangkutan dengan tugas.

TEMPAT MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN BAGI BILANGAN 1 HINGGA 4:

**KAUNTER PERMOHONAN TINGKAT 2
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
BANGUNAN SPA, LAPANGAN TERBANG LAMA
BERAKAS BB3510
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
TEL NO: 2381961 / 2380455 / 2381337 sambungan 588 &
574 (BHG. PENGAMBILAN)
TEL NO: 2381961 sambungan 585 (UNIT IKLAN)**

IKLAN JAWATAN KOSONG UNTUK PENGAMBILAN SECARA BERGAJI HARI

**GH5. JURUPULIH CARA KERJA
JABATAN PERKHIDMATAN PERUBATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
M.11 (BAHAGIAN II)
M.13-14 EB.15 (BAHAGIAN II)
KEKOSONGAN=2**

KELAYAKAN MINIMUM:

- Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Pemulihan Cara Kerja (*Occupational Therapy*) atau bidang yang bersesuaian.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JURUPULIH CARA KERJA:

- Mengambil peranan sebagai pegawai perklinikan (Clinical) dalam bidang Pemulihan Cara Kerja di dalam menjalankan tugas-tugas klinikal termasuk membuat pemeriksaan dan membuat diagnosis klinikal (*Clinical Diagnosis*) tentang

Dari muka 14

penyakit yang memerlukan rawatan kaedah Pemulihan Cara Kerja.

2. Membuat preskripsi kaedah rawatan yang efektif di dalam pemulihan atau rehabilitasi permasalahan tubuh badan dari segi kesihatan fizikal dan mental termasuk permasalahan neurologi, ortopedik dan sebagainya mengikut kemahiran masing-masing.
3. Membantu Pegawai-Pegawai atasan di dalam menjalankan kerja-kerja klinikal harian.
4. Membantu di dalam menjalankan kajian-kajian klinikal serta penyelidikan tertentu di dalam pengurusan permasalahan klinikal yang berkaitan dengan Pemulihan Cara Kerja untuk membantu di dalam mempertingkatkan rawatan dan mempiawaikan kaedah rawatan Pemulihan Cara Kerja.
5. Menyediakan dan menghadapkan laporan kepada Pegawai-Pegawai atasan Pemulihan Cara Kerja.
6. Membantu menyediakan rancangan, anggaran dan keperluan belanjawan tahunan untuk Perkhidmatan Bahagian Pemulihan Cara Kerja.
7. Membantu mengkaji, merancang dan menguatkuasakan dasar-dasar Perkhidmatan Bahagian Pemulihan Cara Kerja dan memastikan taraf perkhidmatan yang dihulurkan oleh Pegawai dan kakitangan di bawah jagaannya dilaksanakan dengan cekap dan lancar.
8. Bertanggungjawab mengendalikan mana-mana rancangan atau projek dan tugas-tugas lain yang tertentu sebagaimana diarahkan.
9. Jika berkenaan, mewakili Negara dalam menghadiri persidangan antarabangsa, mesyuarat antarabangsa, kursus atau bengkel meningkatkan profesionalisme dan sebagainya.
10. Dalam latihan untuk melibatkan diri sebagai tenaga pengajar atau sebagai pendidik akademik (Visiting Academic Lecturer) di Institut Perubatan, Universiti Brunei Darussalam termasuk institusi-institusi luar negara jika diperlukan.
11. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.

NOTA: Pemohon hendaklah melengkapkan borang SPA 1 dan menyertakan Salinan-Salinan Surat Beranak, kad pin-tar, surat-surat akuan, sijil-sijil yang berkenaan dan dihantar ke alamat berikut:

TEMPAT MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN BAGI BILANGAN GH5

**UNIT PENGAMBILAN KAKITANGAN,
JABATAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN
TINGKAT 1,
BANGUNAN KEMENTERIAN KESIHATAN
JALAN MENTERI BESAR/
JALAN COMMONWEALTH DRIVE
BANDAR SERI BEGAWAN BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

TARIKH TUTUP MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN BAGI BILANGAN GH6 ADALAH PADA HARI RABU, 02 April, 2014.

PEMBERITAHUAN:

1. **Penggunaan Borang SPA/1 & SPA/2**
 - a **Semua permohonan hendaklah dengan mengisikan borang SPA/1 atau SPA/2.**
 - b **Semua pemohon dikehendaki mengisikan SATU (1) Borang SPA/1 atau SPA/2 khusus untuk SATU (1) jawatan sahaja.**
 - c **Pemohon yang memohon lebih dari satu (1) jawatan dikehendaki untuk mengisikan borang SPA/1 atau SPA/2 mengikut jumlah jawatan yang dipohonkan.**
 - d **Borang SPA/1 hanya perlu diisikan dengan lengkap sekali sahaja iaitu bagi pemohon yang pertama kali memohon jawatan kosong dalam perkhidmatan awam. Permohonan kali kedua dan seterusnya hendaklah menggunakan borang SPA/2.**
 - e **Bagi Iklan jawatan bilangan GH5 isikan satu (1) salinan sahaja borang SPA1**
 - f. **Borang SPA/1 dan SPA/2 boleh didapati di Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan dikembalikan ke tempat penghantaran borang permohonan yang disebutkan bersama-sama dengan salinan sijil-sijil, surat-surat akuan yang lengkap dan diakui sah.**
 - g. **Sijil-sijil Akademik asal (asli) hendaklah dibawa semasa menghadapkan permohonan borang SPA/1 dan SPA/2 untuk pengesahan.**
 - h **Sebarang pertanyaan mengenai penggunaan borang SPA/1 atau SPA/2, sila hubungi kaunter Bahagian Pengambilan, Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam di nombor talian 2381961 sambungan 588 & 574.**
2. Semua kelulusan, sijil-sijil kecekapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan professional yang dihadapkan bersama borang permohonan hendaklah diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. (selepas ini dipanggil **Kerajaan**).
3. Pegawai-Pegawai Kerajaan dan termasuk pemohon dalam perkhidmatan bergaji hari hendaklah menghadapkan permohonan tersebut melalui Ketua Jabatan. Ketua Jabatan dikehendaki menyertakan:-
 - a. **Laporan Sulit** mengenai peribadi dan mutu kerja pemohon;
 - b. **Rekod Perkhidmatan** yang lengkap.
4. Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi

sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan yang belum mencapai tempoh perkhidmatan selama 3 tahun, hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** selama tempoh perkhidmatannya.

5. 4 Kepujian (kredit) mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa hendaklah diperolehi dalam tempoh **dua (2) tahun berturut-turut.**

6. Permohonan yang diterima lewat daripada **2 APRIL 2014 tidak dilayan.**

7. Bilangan kekosongan jawatan adalah betul semasa dicetak. Walau bagaimanapun, pemohon-pemohon boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai sebarang perubahan bilangan kekosongan dalam tempoh iklan dibukakan melalui cara berikut;

- Menelefon 2381961 Sambungan 585 (Unit Iklan);
- Melihat Papan kenyataan Tingkat I, Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam;
- Melayari laman web rasmi Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Iklan Jawatan Kosong) iaitu <http://www.spa.gov.bn/>
- 8. Maklumat mengenai iklan-iklan jawatan kosong serta borang-borang permohonan juga boleh diperolehi di Pejabat-Pejabat Kerajaan dan pusat awam seperti berikut:-
- Pejabat Daerah Belait;
- Pejabat Daerah Temburong.
- Pejabat Daerah Tutong;
- Jabatan Buruh, Bhg. Perkhidmatan Pekerjaan Tempatan, Tingkat 4, Jalan Menteri Besar.

PEMBATALAN IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM MENURUT PERATURAN 7(a) KELUARAN: 19 FEBRARI 2014 TARIKH TUTUP: 05 MAC 2014 BILANGAN IKLAN: 08/02/14 (SPA/BIKL)

1. PEGAWAI KESEJAHTERAAN JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN) ATAU B.2 (\$2,270 - \$3,760 SEBULAN) KEKOSONGAN=1

Dengan ini adalah dimaklumkan bahawa iklan bagi jawatan yang tersebut di atas adalah **DIBATALKAN** oleh sebab-sebab tertentu.



AUTORITI MONETARI BRUNEI DARUSSALAM (AMBD)

AUTORITI MONETARI BRUNEI DARUSSALAM (AMBD)

ACTS as the central bank of Brunei Darussalam with the main responsibilities of formulating and implementing monetary policies, the supervision of financial institutions and currency management

AMBD is pleased to invite suitably qualified applicants to apply for the following positions:

1. HEAD OF INTERNAL AUDIT [M1]

Must possess good degree qualifications or higher from universities and institutions accredited by the Ministry of Education, Brunei Darussalam in Accounting or related areas. Must have a minimum of 8 years relevant work experience in auditing or related field and must have experience managing and working with senior auditors or auditors.

2. EXECUTIVE DIRECTOR [M1]

FINANCIAL SECTOR DEVELOPMENT
Must possess good degree qualifications or higher from universities and institutions accredited by the Ministry of Education, Brunei Darussalam in Accounting; Finance; Banking; Policies and Planning; Business Administration; Strategic Management or Economics.

Having relevant professional qualification is an advantage. Must have a minimum of 8 years relevant work experience in related field.

3. MANAGER [M4]

ADMINISTRATION

Preferably good degree qualifications or higher from universities and institutions accredited by the Ministry of Education, Brunei Darussalam in Administration, Business Administration, Management or related field.

Must have a minimum of 2 years administration/logistics/event management work experience and Pass in His Majesty Government's General Order and Financial Regulation.

4. MANAGER [M4]

SPECIALISED MARKET

Preferably good degree qualifications or higher from universities and institutions accredited by the Ministry of Education, Brunei Darussalam in Accounting; Finance; Banking; or related field. Applicants with law enforcement background, experience in compliance, Anti Money Laundering (AML) or internal audit is an added advantage.

5. MANAGER / MANAGER TRAINEE POSITIONS [M4]

HUMAN RESOURCE

Must possess good degree qualifications or higher from universities and institutions accredited by the Ministry of Education, Brunei Darussalam preferably in Human Resource or related field. Having relevant professional qualification is an advantage.

6. MANAGER / MANAGER TRAINEE POSITIONS [M4]

PAYMENT SETTLEMENT SYSTEM; INFORMATION TECHNOLOGY

Must possess good degree qualifications or higher from universities and institutions accredited by the Ministry of Education, Brunei Darussalam in Accounting; Finance; Banking; Economics; Information Technology and Business Administration. Having relevant professional qualification is an advantage.

7. ASSISTANT OFFICER POSITION [S1]

PAYMENT SETTLEMENT SYSTEM; INFORMATION TECHNOLOGY

Must possess good HND qualifications or higher from universities and institutions accredited by the Ministry of Education, Brunei Darussalam in Accounting & Finance; Business Administration and Information Technology. Having relevant professional qualification is an advantage.

Please visit www.ambd.gov.bn for further information on the vacancies

GENERAL REQUIREMENTS

- Must be citizens of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

- Ambitious and can perform competently with minimum supervision, able to work independently and as a team and can work well under pressure to meet short deadlines.

- Strong analytical skills with excellent data gathering coupled with high capability in report writing.

- **Please visit www.ambd.gov.bn** for the specific job requirements and downloadable application form.

- Fluent in oral & written Malay and English, and IT literate.

Interested applicants are requested to submit the following items to the address below or by email to human.resource@ambd.gov.bn :- 1) Application form; 2) a full resume; 3) a recent passport-sized photograph; 4) a copy of your IC; and 5) copies of relevant academic certificates.

AUTORITI MONETARI BRUNEI DARUSSALAM (AMBD)

**Level 14, Ministry of Finance Building
Commonwealth Drive,
Bandar Seri Begawan
Brunei Darussalam BB3910
ATTN: HUMAN RESOURCE
COMMITTEE**

**Applications should be received by
AMBD not later than 11.30am on Friday,
28th March 2014.**

**ONLY SHORTLISTED CANDIDATES
WILL BE NOTIFIED**



**JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA**

**JUALAN LELONG SECARA SEBUT HARGA TERTUTUP BAGI HARTA BENDA
KERAJAAN**

ADALAH dengan ini diberikan notis iaitu bahawa Jualan Lelong secara SEBUT HARGA TERTUTUP bagi peralatan /perkakas kilang kepunyaan Pejabat Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan orang ramai yang berminat untuk membeli bolehlah mendapat borang Jualan Lelong secara sebut harga tertutup di alamat :

**JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
LAPANGAN TERBANG LAMA BERAKAS**

SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pemborong firma swasta dan orang ramai.
2. Caj bagi setiap borang tawaran adalah harga \$ 50.00 (Tidak Dikembalikan).
3. Barangan yang di tawarkan adalah berasaskan sebagaimana keadaan semasa di tawarkan.
4. Penender adalah bertanggungjawab untuk memeriksa dan meneliti keadaan barangan yang ditawarkan sebelum menyertai tawaran ini.
5. Borang tawaran, syarat-syarat dan keterangan lanjut mengenainya boleh diperolehi dengan menghubungi di talian 2388090 (Ibu Pejabat) / 2662810 (Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Pertanian), semasa waktu pejabat.
6. Lelangan sebut harga yang berjaya ini adalah dinilai berdasarkan harga tawaran yang tertinggi.

7 Borang tawaran sebut harga lelong hendaklah diisi dengan lengkap dan dimasukkan ke **Peti Sebut Harga di Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Lapangan Terbang Lama Berakas, tidak lewat pada hari Rabu, 26 Mac 2014 jam 2.00 petang** dengan menggunakan sampul surat tertutup rapat (sealed) bagi setiap sebutharga dan tawaran yang lewat diterima tidak akan dilayan.

8. Hanya penender yang Berjaya dalam tawaran sebut harga akan dihubungi untuk tindakan selanjutnya.

9. Penender yang Berjaya dikehendaki membayar secara wang tunai dan memindahkan barang yang dibeli tidak lewat 7 hari waktu bekerja selepas dimaklumkan/pemberitahuan dan jika gagal menjelaskannya maka barangan berkenaan akan ditawarkan kepada penender yang lain.

10. Jika penender yang berjaya GAGAL memindahkan barangan tersebut dalam tempoh 7 hari waktu bekerja selepas membuat pembayaran, maka barangan berkenaan akan menjadi milik Jabatan dan Jabatan BERHAK untuk melelong semula barangan tersebut. Wang yang dijelaskan TIDAK akan dikembalikan.

BUTIR KETERANGAN SEBUTHARGA BARANG YANG DILELONG

BIL S.HARGA	BUTIR KETERANGAN BARANG	JUMLAH (1 Lot)	TEMPAT MELIHAT
(JPt/SH/170(A)/2013-2014)	Conveyor Unit	1 Unit	BENGKEL PERTANIAN WASAN, KG WASAN JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
(JPt/SH/171(A)/2013-2014)	Silo Tank No.1	1 Unit	
(JPt/SH/172(A)/2013-2014)	Silo Tank No.2	1 Unit	
(JPt/SH/173(A)/2013-2014)	Silo Tank No.3	1 Unit	
(JPt/SH/174(A)/2013-2014)	Silo Tank No.4	1 Unit	



**JABATAN PELABUHAN
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

KETERANGAN TAWARAN

1. TAWARAN ini dibukakan kepada Syarikat tempatan yang memiliki Sijil Pendaftaran Section 16 & 17 dan Lesen Rampaian yang dikeluarkan oleh Jabatan Bandaran Dan Pejabat Daerah dan Kementerian Pembangunan bagi kategori kerja 6h.
2. Dokumen tawaran boleh didapati di Unit Tawaran & Sebut Harga, Tingkat 2, Jabatan Pelabuhan pada waktu - waktu bekerja:
**Hari Isnin hingga Khamis -
8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi &
1.30 Petang hingga 2.30 Petang &
Hari Sabtu 8.00 Pagi hingga 10.00 Pagi.
Tarikh akhir mengambil Dokumen Sebut
Harga pada 9 April 2014.**
3. Tarikh tutup tawaran pada hari Rabu, 16 April 2014, jam 2.00 petang.
4. Tawaran hendaklah disimpan di dalam sampul surat yang tidak menyatakan nama syarikat atau logo syarikat.
5. Di Bahagian atas kiri sampul surat hendaklah di tulis **JP/SH 6/2014-2015 "TO SUPPLY AND DELIVER PERSONAL PROTECTIVE EQUIPMENT (PPE) FOR PORTS DEPARTMENT"**.
6. Tawaran hendaklah dihantar dan dialamatkan kepada:-

PENGERUSI

**JAWATANKUASASEBUT HARGA
BANGUNAN IBU PEJABAT JABATAN
PELABUHAN, TINGKAT 2
MUARA BT1728
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

7. Dokumen tawaran hendaklah dipastikan dan dimasukkan ke dalam peti Tawaran. Jabatan tidak akan bertanggungjawab jika ada tawaran yang tidak diterima.
8. Jika harga tawaran melebihi peruntukan Jabatan berhak memotong mana-mana skop kerja yang di senaraikan 'Bills of Quantities' di dalam keterangan kerja tanpa perlu membuat tawaran semula (requotation).
9. Dokumen tawaran ini akan dijadikan sebahagian dokumen perjanjian yang akan ditandatangani kedua-dua pihak iaitu

pemborong dan Kerajaan.

10. Syarikat yang Berjaya tidak dibenarkan untuk memberikan sebarang hadiah samada berbentuk wang tunai atau barang yang berharga bagi tujuan memastikan syarikat berkenaan Berjaya didalam tawaran ini.
11. Semua syarikat-syarikat yang Berjaya hendaklah menyertakan dokumen-dokumen berikut apabila ikut serta di dalam tawaran ini:-

**PERKARA - PERKARA YANG
DISERTAKAN BERSAMA DOKUMEN
INI**

1. Sijil Pendaftaran Section 16 & 17 Atau Form X (Bagi Syarikat yang menggunakan SDN BHD).
2. Pengakuan (Declaration form diisikan dengan lengkap) - (Lampiran 1).
3. Previous Experience - (Lampiran 2).
4. Senarai Pemilik Syarikat - (Lampiran 3).
5. Validity Projek - (Lampiran 4).
6. Completion of Project - (Lampiran 5).

PERHATIAN

12. Borang-Borang yang tidak di isikan dengan lengkap adalah dikira tidak memenuhi syarat tawaran ini.
13. Kegagalan menyertakan borang-borang dan dokumen-dokumen yang diperlukan adalah dikira tidak memenuhi syarat untuk mendapat tawaran ini.

KETERANGAN SEBUT HARGA

**JP/SH 7/2014-2015
REFURBISHMENT WORK OF
PORTABLE CABIN AT MUARA PORT,
PORT DEPARTMENT**

1. Tawaran ini dibukakan kepada Syarikat - Syarikat dan Pembekal-Pembekal yang bersesuaian yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam dalam kategori Kelas II & III sahaja. (bagi JP/SH 7/2014-2015).

**JP/SH 8/2014-2015
TO SUPPLY, REPLACE AND INSTALL
NEW COUNTER AT MUARA PORT
PORT DEPARTMENT**

1. Tawaran ini dibukakan kepada Syarikat - Syarikat dan Pembekal-Pembekal yang bersesuaian yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam. (bagi JP/SH 8/2014-2015).
2. Dokumen tawaran boleh didapati di Unit Tawaran & Sebut Harga, Tingkat 2, Jabatan Pelabuhan pada waktu - waktu bekerja:

**Hari Isnin hingga Khamis -
8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi &
1.30 Petang hingga 2.30 Petang &
Hari Sabtu 8.00 Pagi hingga 10.00 Pagi.
Tarikh akhir mengambil Dokumen Sebut
harga pada hari Sabtu, 5 April 2014.**

3. Borang sebut harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dikembalikan ke alamat berikut:

**Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
Tingkat 2
Jabatan Pelabuhan
Muara BT1728
negara Brunei Darussalam**

4. Borang sebut harga hendaklah dikembalikan tidak lewat hari Rabu, 9 April 2014, jam 2.00 petang.

5. Borang sebut harga hendaklah disimpan didalam sampul surat tertutup rapi. Disampul surat berkenaan hendaklah ditulis **JP/SH 7/2014-2015 REFURBISHMENT WORK OF PORTABLE CABIN AT MUARA PORT, PORT DEPARTMENT** di atas tanpa menyatakan nama atau logo syarikat.

5. Borang sebut harga hendaklah disimpan didalam sampul surat tertutup rapi. Disampul surat berkenaan hendaklah ditulis **JP/SH 8/2014-2015 TO SUPPLY, REPLACE AND INSTALL NEW COUNTER AT MUARA PORT PORT DEPARTMENT** diatas tanpa menyatakan nama atau logo syarikat.

6. Sijil Pendaftaran daripada Pejabat Peguam negara (form 16 & 17 / Form X) hendaklah disertakan bersama borang sebut harga.

JABATAN PELABUHAN

10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau apa-apa jua bentuk tawaran.

11. Syarikat yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garis panduan yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara, rujukan LTN/4(39/1997)

12. Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran adalah pada hari **Isnin, 31 Mac 2014.**

8. Nama Tawaran : “KERJA-KERJA PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN DAN PEMBUANGAN SAMPAH BANGUNAN PERPUSTAKAAN MUARA ”

Bilangan Tawaran : 21/DBP/SH/2013-2014

9. Nama Tawaran : “KERJA-KERJA PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN DAN PEMBUANGAN SAMPAH BANGUNAN PERPUSTAKAAN LAMBAK”

Bilangan Tawaran : 22/DBP/SH/2013-2014

10. Nama Tawaran : “KERJA-KERJA PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN DAN PEMBUANGAN SAMPAH BANGUNAN PERPUSTAKAAN SENGKURONG”

Bilangan Tawaran : 23/DBP/SH/2013-2014

11. Nama Tawaran : “KERJA-KERJA PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN DAN PEMBUANGAN SAMPAH BANGUNAN PERPUSTAKAAN TUTONG”

Bilangan Tawaran : 24/DBP/SH/2013-2014

Tarikh Tutup : 1 APRIL 2014, HARI SELASA, JAM 2.00 PETANG

Yuran Tawaran : \$5.00 (tidak dikembalikan)

Syarat-Syarat Tawaran:

orang ramai sama ada persendirian atau syarikat.

3. Pelelongan ini adalah secara keseluruhan (*lump sum*) bagi kesemua jenis barang dimana orang ramai atau syarikat yang berminat hendaklah membuat satu tawaran harga bagi kesemua barang-barang yang dilelong.

4. Dengan itu, orang ramai atau syarikat-syarikat yang berminat untuk menyertai pelelongan ini bolehlah memeriksa peralatan dan perabot pejabat berkenaan pada waktu dan tempat yang ditetapkan seperti berikut:

**Tarikh : Hari-Hari Bekerja
iaitu 20 hingga 31 mac hingga 2014
Waktu : 9.00 - 11.00 pagi dan
2.00 - 3.00 petang**

**Tempat : KNo.1 Blok C12 Flat Kawasan Perumahan Kampong Angerek Desa Berakas
Negara Brunei Darussalam.**

1. Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identity atau logo pembekal/pemborong, ditulis dengan

Nama Tawaran:
Bilangan Tawaran:
Tarikh Tutup:
Kepada:
Pengerusi

**Jawatankuasa Sebut Harga, Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Jalan Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas BB3510
Negara Brunei Darussalam**

3. Tawaran yang lengkap hendaklah dimasukkan kedalam Peti Tawaran yang disediakan di:

**Tingkat 4,
Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan
Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Jalan Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas BB3510
Negara Brunei Darussalam**

4. Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada Jawatankuasa Sebut Harga DBP tidak lewat jam 2.00 petang pada tarikh tutup.

5. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

6. Tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang yang telah disediakan.

7. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah didapati daripada Unit Peruntukan dan Kewangan, Tingkat 4, Bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka, Berakas.

8. Syarikat-syarikat yang dimiliki oleh kakitangan kerajaan dan seumpamanya tidak akan dilayan dan tidak sah untuk dinilai.

9. Tawaran hendaklah disertakan dengan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan (business enactment section 16 & 17) dan Surat Pengakuan Syarikat (Declaration) yang telah dipenuhi. (borang Surat Pengakuan Syarikat boleh didapati bersama Dokumen Tawaran).

10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang Terendah atau apa-apa jua bentuk tawaran.

11. Syarikat yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garis panduan yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara, rujukan LTN/4(39/1997)

12. Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran adalah pada hari **Isnin, 31 Mac 2014.**

12. Nama Tawaran : “TAWARAN BAGI MENGENDALIKAN KANTIN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN ”

Bilangan Tawaran : 25/DBP/SH/2013-2014

Tarikh Tutup : 1 APRIL 2014, HARI SELASA, JAM 2.00 PETANG

Yuran Tawaran : \$10.00
(tidak dikembalikan)

Syarat-Syarat Tawaran:

1. Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Syarikat tempatan / Koperasi yang berdaftar di bawah akta Syarikat Kerjasama (Penggala 84) untuk tawaran-tawaran mereka bagi perkhidmatan kantin. Berpengalaman dalam urusan pengendalian kantin

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identity atau logo pembekal/pemborong, ditulis dengan

Nama Tawaran:
Bilangan Tawaran:
Tarikh Tutup:
Kepada:

**Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga,
Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Jalan Pembangunan,
Lapangan Terbang Lama Berakas
BB3510
Negara Brunei Darussalam**

3. Tawaran yang lengkap hendaklah dimasukkan kedalam Peti Tawaran yang disediakan di:

**Tingkat 4, Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Jalan Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas BB3510
Negara Brunei Darussalam**

4. Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada Jawatankuasa Sebut Harga DBP tidak lewat jam 2.00 petang pada tarikh tutup.

5. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan

6. Tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang yang telah disediakan.

7. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah didapati daripada Unit Peruntukan dan Kewangan, Tingkat 4, Bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka, Berakas

8. Syarikat-syarikat yang dimiliki oleh kakitangan kerajaan dan seumpamanya tidak akan dilayan dan tidak sah untuk dinilai.

9. Tawaran hendaklah disertakan dengan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan (business enactment section 16 & 17) dan Surat Pengakuan Syarikat (Declaration) yang telah dipenuhi. (borang Surat Pengakuan Syarikat boleh didapati bersama Dokumen Tawaran).

10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang Terendah atau apa-apa jua bentuk tawaran.

11. Syarikat yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garis panduan yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara, rujukan LTN/4(39/1997)

12. Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran adalah pada hari **Isnin, 31 Mac 2014.**

**PETI SEBUT HARGA,
Bahagian Pembangunan dan Pengurusan
Jabatan Perkhidmatan Awam,
Jabatan Perdana Menteri,
Tingkat 4, Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas, BSB, BB3510,
Negara Brunei Darussalam.**

7. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu ditetapkan tidak akan dilayan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang rendah atau tawaran yang tidak munasabah.

9. Mereka yang berjaya hendaklah membuat pembayaran secara tunai dan dikehendaki memindahkan kesemua barang-barang yang telah dibeli dari tapak jualan lelong tersebut dalam tempoh lima (5) hari dari tarikh pemberitahuan.

10. Untuk keterangan lanjut sila hubungi di Unit Kewangan Jabatan Perkhidmatan Awam di Talian No. 2382469 sambungan 420.



**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI**

**NOTIS JUALAN LELONG
BILANGAN : JPA/1.4/1858/88pT.2
TARIKH TUTUP :
HARI SELASA, 10 DISEMBER 2013**

1. DIMAKLUMKAN bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri akan mengadakan satu jualan lelong bagi harta benda kerajaan iaitu **374 Unit peralatan/perkakas komputer; CPU berbagai jenis (Compaq, IBM, Fujitsu, Dell, ALR, Digital Ventrus), Monitor berbagai jenis (Philips, Fujitsu, Acer, Compaq, Dell, HP, Benq, IBM, Titan) Keyboard berbagai jenis (Fujitsu, IBM, Compaq, ALR, Digital, Dell), Printer berbagai jenis (Epson, Lexmark, HP, Canon, Xerox, Kyocera), Mouse berbagai jenis (Compaq, Dell Digital Edge, Fujitsu, IBM, Logitech, WWI), Switch centre COM, Scanner berbagai jenis (Epson, HP, Microtek, UMAX, Acer).**

2. Jualan lelong ini adalah terbuka kepada

Orang ramai atau syarikat yang berminat untuk memeriksa barang-barang tersebut sila hubungi **Pengiran Mohd Faisal bin Pengiran Haji Tengah ditalian No.2382469 sambungan 420** bagi temu janji memeriksa barang-barang tersebut.

5. Setiap tawaran hendaklah menggunakan **Borang Tawaran** yang disediakan yang mana boleh diperolehi di alamat di atas.

**Bahagian Pembangunan Dan Pengurusan,
Jabatan perkhidmatan Awam,
Jabatan Perdana Menteri,
Tingkat 4, Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan BB3510
Negara Brunei Darussalam**

6. Tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat tertutup rapi yang bertulis tajuk tawaran : **“JUALAN LELONG”, JPA/1.4/1858/88pT.2** dan Tarikh Tutup tawaran tanpa menunjukkan identiti pembekal / syarikat dan dimasukkan ke dalam peti tawaran tidak lewat pada hari **Sealsa, 1 April 2014, jam 2.00 petang** dan alamat kepada:



"TENAGA BERDAYATAHAN BAGI KEMAKMURAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM"

WWW.ENERGYWEEK.GOV.BN

**MAJLIS PELANCARAN
MINGGU TENAGA 2014,
KERTAS PUTIH TENAGA DAN
BUKU BERTAJUK**

**"YOU CAN MAKE A DIFFERENCE
BRUNEI OIL & GAS BOOK:
WHERE OPPORTUNITIES AWAIT YOU"**

PERSIDANGAN BNERI

**DIALOG BELIA MENGENAI
TENAGA**

**FORUM PEMBANGUNAN
PERNIAGAAN TEMPATAN**

**PAMERAN TENAGA
PAMERAN ENERGY INDUSTRY
COMPETENCY**

**PAMERAN AKADEMI MARITIM
BRUNEI
PESTA KERJAYA DAN
PEKERJAAN DI SEKTOR TENAGA**

**- DOME BRIDEX, JERUDONG
24 MAC 2014**

**- ROYAL BERKSHIRE HALL
ROYAL BRUNEI POLO & RIDING CLUB
25 MAC 2014**

**- DEWAN PERSIDANGAN, BRIDEX
JERUDONG
25 MAC 2014**

**- DEWAN PERSIDANGAN, BRIDEX
JERUDONG
26 MAC 2014**

**- DEWAN PAMERAN 1 & 2, BRIDEX
JERUDONG
24- 29 MAC 2014**

**ISNIN - KHAMIS & SABTU
9:00 pagi - 6:00 petang**

**JUMAAT
9:00 pagi - 11:30 pagi
2:30 petang - 6:00 petang**

**BERMINAT UNTUK BEKERJA DI SEKTOR TENAGA?
BAGAIMANA AWDA DAPAT MENYUMBANGKAN DALAM
KECEKAPAN DAN PENJIMATAN TENAGA?**

KUNJUNGILAH KE MINGGU TENAGA KAMI

DI KENDALIKAN OLEH: MEDIA RASMI:

DENGAN KERJASAMA:



ENERGY DEPARTMENT
PRIME MINISTER'S OFFICE



THE
BRUNEI
TIMES





Islam pilih Sistem Pemerintahan Beraja

Oleh : Hilmy Zainal

Foto : Pg. Haji Waliyuddin Pg. Haji Ahmad

SISTEM Pemerintahan Beraja adalah sistem yang diciptakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan dipilih oleh Islam sebagai sistem untuk mentadbir dan memerintah negara.

Perkara ini mungkin menjadi tanda tanya kita, atas dasar apa?

Islam pilih Sistem Beraja

Ketika Allah Subhanahu Wata'ala menjadikan Nabi Adam Alaihissalam, Allah berfirman kepada para Malaikat seperti yang dinyatakan dalam Al-Qur'an:

"Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para Malaikat: 'Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi.'" (Al Baqarah : 30).

Makna khalifah dalam ayat di atas telah diertikan kepada pelbagai makna. Ibnu Mas'ud dan Ibnu Abbas Radiallahu'anha mentafsirkan khalifah tersebut adalah Adam Alaihissalam dan orang-orang yang menduduki posisi tersebut dalam melaksanakan ketaatan kepada Allah dan melaksanakan hukum dengan adil di antara makhluknya. Orang yang membuat kerosakan dan pertumpahan darah tanpa alasan yang benar, maka itu bukanlah termasuk khalifahnyanya.

Al-Qurthubi mentafsirkan ayat ini sebagai dalil tentang wajibnya mengangkat khalifah yang wajib didengar dan ditaati, sebagai menolong orang yang dizalimi, melaksanakan hukum dan tanggungjawab lain.

Allah Subhanahu Wata'ala Raja segala Raja

Salah satu nama-nama Allah dalam Asmaul-Husna ialah Al MALIKUL MULK yang bererti Raja segala Raja atau Raja segala Kerajaan. Allah Subhanahu Wata'ala menciptakan sistem beraja dan telah memberi kuasa pemerintahan dan kerajaan kepada raja-raja agar dapat menunjukkan bahawa Allah Subhanahu Wata'ala adalah Raja segala Raja. Jika Allah Subhanahu Wata'ala tidak menjadikan

raja-raja di dunia ini bagaimana Allah Subhanahu Wata'ala akan mengelarkan dzatnya sebagai Raja segala Raja. Firman Allah :

"Katakanlah (Wahai Muhammad): Wahai Tuhan yang mempunyai kuasa pemerintahan Engkaulah yang memberi kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang Engkau kehendaki dan Engkaulah yang mencabut kuasa pemerintahan dari sesiapa yang Engkau kehendaki. Engkaulah juga yang memulihkan sesiapa yang Engkau kehendaki dan Engkaulah yang menghina sesiapa yang Engkau kehendaki. Dalam kekuasaan Engkaulah sahaja adanya segala kebaikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu." (Ali 'Imran : 26)

Haiwan pun ada raja

Bukan sahaja Allah Subhanahu Wata'ala menciptakan sistem beraja untuk manusia, akan tetapi haiwan-haiwan pun Allah Subhanahu Wata'ala ciptakan sistem beraja sebagai cara kehidupan makhluk haiwan. Misalnya serangga lebah mempunyai raja yang dipanggil 'Ratu Lebah'. Ratu Lebah ini adalah sebagai raja yang mengawal aktiviti harian lebah-lebah yang mempunyai tugas masing-masing.

Lihatlah kisah bagaimana Raja Semut memerintahkan kepada semut-semut yang lain untuk kembali ke sarang masing-masing agar tidak dipijak oleh Nabi Sulaiman dan tentera-tenteranya. Perkara ini diceritakan dalam Al-Qur'an :

"... hingga apabila mereka sampai ke 'wadi an-Naml' berkatalah seekor semut: Wahai sekalian semut, masuklah ke sarang kamu masing-masing, jangan Sulaiman dan tenteranya memijak serta membinasakan kamu, sedang mereka tidak menyedari." (Al Naml : 18)

Begitu juga dijadikan serigala yang menjadi raja segala anjing, singa dijadikan raja segala binatang dan setiap kumpulan binatang

mempunyai rajanya atau ketuanya yang mengawal aktiviti haiwan berkenaan.

Raja yang disebutkan dalam Al- Qur'an

Sistem pemerintahan beraja adalah sistem yang tertua di dunia. Sejarah mencatatkan tamadun-tamadun awal diperintah secara beraja atau disebutkan juga sebagai dinasti dan sistem feudal. Ianya meliputi tamadun Mesopotamia, India, China, Mesir, kerajaan Islam selepas khalifah yang empat, Majapahit, Srivijaya, Melaka dan kerajaan- kerajaan kecil lain di Nusantara ini.

Raja yang terawal diketahui dalam tradisi Islam ialah Raja Namrud yang memerintah di zaman Nabi Ibrahim Alaihissalam.

Beberapa raja-raja yang diceritakan dalam Al-Qur'an dan hadis termasuk Raja Firaun yang memerintah di Zaman Nabi Musa dan Nabi Yusuf, Raja Tubba' di Yemen, Raja yang merampas bahtera pada zaman Nabi Musa dan Khidir, Ratu yang memerintah Negeri Saba', Raja di Zaman Ashabul Ukhduh dan Raja yang mengganggu Sarah, isteri Nabi Ibrahim Alaihissalam.

Pada zaman setelah Nabi Musa Alaihissalam wafat, Bani Israel meminta dari Nabi mereka ketika itu iaitu Nabi Syamuel Alaihissalam agar Allah Subhanahu Wata'ala mengangkat seorang raja untuk menjadi pemimpin perang. Allah Subhanahu Wata'ala telah memperkenankan permintaan mereka dan mengangkat Talut menjadi raja. Dalam Al-Qur'an disebutkan :

"Nabi mereka mengatakan kepada mereka 'Sesungguhnya Allah telah mengangkat Talut menjadi rajamu.'" (Al Baqarah : 247)

Raja-raja yang adil dan soleh disebutkan dalam Al-Qur'an dan hadis termasuklah Talut, Nabi Daud, Nabi Sulaiman. Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam secara umum ada menyebutkan dalam hadis bahawa akan ada raja yang membawa rahmat selepas zaman khalifah. Para ulama memaksudkan hadis itu sebagai

Raja Muawiyah bin Abu Suffiyan pengasas daulah Bani Umaiyah.

Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Al Baihaqi dan Al Hakim menyebutkan peranan raja-raja dalam Islam:

"Sultan adalah payung Allah di bumi ini, tempat bernaungnya orang-orang yang lemah, memberi pertolongan terhadap orang yang teraniaya. Barangsiapa memulihkan Sultan Allah di dunia ini, maka Allah akan memulihkannya di Akhirat." (Al Baihaqi dan Al Hakim)

Institusi Beraja masa ini

Sistem beraja sebenarnya menghadapi ujian, cabaran berhadapan pelbagai rintangan. Masyarakat dunia sedang dan akan terus melalui proses evolusi yang semakin rancak. Perkembangan teknologi maklumat, kemajuan perindustrian, pertumbuhan ekonomi, perkembangan ilmu dan pendidikan telah mempengaruhi masyarakat dunia dan mengubah persepsi dan tafsiran dunia terhadap raja.

Idealogi-idealogi demokrasi, komunisme, sosialisme yang diciptakan oleh manusia semakin mempengaruhi pemikiran masyarakat. Mereka menganggap bahawa idealogi berkenaan membawa keadilan dan memberikan hak yang sama kepada rakyat. Individu-individu semakin bijak dan pintar serta berani mengemukakan pendapat dan pemikiran. Cabaran-cabaran ini telah merakamkan perubahan terhadap institusi raja.

Menurut kajian, merumuskan bahawa terdapat 186 kesultanan berpaksikan Islam di antara tahun 632 hingga 1944 Masihi. Pada masa ini terdapat 193 buah negara berdaulat dan daripada jumlah itu hanya 44 buah negara saja yang memilih sistem beraja. Dari 44 buah negara tersebut, 11 terletak di Benua Eropah, 3 di Benua Afrika, 14 di Benua Asia, enam negara Oceania dan 10 negara yang terletak di sekitar Benua Utara mengiktiraf Ratu Elizabeth II sebagai Raja Berpelembagaan.

Perubahan kepada sistem pemerintahan banyak berlaku sekitar

tahun 50-an dan 60-an selepas Perang Dunia Kedua kebanyakan negara di Latin Amerika, Afrika dan beberapa buah Negara di Eropah dan Asia telah memilih sistem republik.

Mempertahankan Sistem Beraja

Sejarah telah menyaksikan ideologi demokrasi yang dipraktikkan oleh kebanyakan negara telah menimbulkan perpecahan, permusuhan, perkauman dan kadangkala pertumpahan darah. Sistem demokrasi adalah sistem yang dipelopori dan dicipta oleh pemimpin purba Athens, yang tidak percaya akan Tuhan.

Sistem ini berpaksikan kepada suara ramai (majoriti) tanpa menilai kepada baik dan buruk kepada sesuatu perkara. Justeru itu keputusan yang dibuat melalui undi majoriti tidak semestinya membawa kebaikan. Misalnya beberapa buah negara telah membenarkan perkahwinan sama jenis, lelaki dengan lelaki kerana majoriti mengundi bersetuju dalam sidang parlimen sedangkan perkara ini membawa kepada kemungkaran. Misal yang lain, apabila majoriti bersetuju untuk melancarkan perang kepada sesebuah negara sedangkan ianya banyak mendatangkan keburukan dari kebaikan.

Dalam sistem pemerintahan beraja Islam, raja akan memutuskan sesuatu perkara itu dinilai kepada kebaikannya bukannya kepada undi suara ramai. Jika sesuatu perkara itu mendatangkan kebaikan, maka perkara itu akan dilaksanakan dan menolak perkara yang mendatangkan keburukan atau kemungkaran.

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja kita mesti mempertahankan institusi beraja dan menolak sebarang ideologi-ideologi yang dapat mempengaruhi kefahaman kita. Manakah yang kita pilih ideologi-ideologi yang diciptakan oleh manusia yang tidak percaya akan Tuhan atau sistem pemerintahan beraja yang dicipta oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan dipilih oleh Islam.

Susu ibu terbaik berbanding susu formula

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

SUNGAI TERABAN, Sabtu 15 Mac. - Pelancaran Program 'HAWA Bersama Masyarakat' merupakan kesinambungan daripada Program 'Get Together' yang mempromosikan dan menyokong penyusuan susu ibu yang telah diadakan pada 28 November 2012 di Hospital Suri Seri Begawan.

Sebelumnya, Program 'Get Together' cuma menumpukan kepada ibu-ibu selepas bersalin yang berada dalam hospital, sementara Program 'HAWA Bersama Masyarakat' adalah program yang menyeluruh untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman akan kepentingan susu ibu dalam kalangan masyarakat, manakala Program 'HAWA Bersama Masyarakat' akan diadakan di kampung-kampung yang terpilih.

Bagi Daerah Belait pelancaran program tersebut diadakan di Balai Raya kampung Sungai Teraban, Mukim Kuala Belait.

Hadir selaku tetamu kehormat merasmikan program tersebut

Pengarah Sumber-Sumber Tenaga Manusia, Syarikat Minyak Brunei Shell Sdn. Bhd. Setia, Awang Haji Kamaludin bin Haji Bungsu.

Dalam ucapannya, Awang Haji Kamaludin menjelaskan, mengenai kelebihan susu ibu dibandingkan dengan susu formula yang mana susu ibu mempunyai kesan yang sangat baik pada perkembangan mental jika diukur mengikut 'Index Perkembangan Mental' pada umur enam dan dua belas bulan.

Tambahnya, susu ibu juga mempunyai skor yang tinggi pada ujian kemahiran pergerakan (psychomotor) pada umur enam bulan berbanding dengan susu formula dan anak damit yang disusukan ibu mempunyai skor penguasaan bahasa yang lebih tinggi pada umur tiga dan enam bulan.

Beliau juga menekankan bahawa susu ibu amat penting sebagai imunisasi pertama anak damit kerana keseluruhan nutrisi-nutrisi penting

yang diberikan ketika anak damit masih kecil akan membantu memberikan kesan jangka panjang terhadap perkembangan dan masa hadapan kanak-kanak walaupun pengeluar susu formula berusaha untuk menandinginya dengan menambah pelbagai nutrisi yang lain namun tidak menyamai kehebatan susu ibu.

Terdahulu, Ketua Kumpulan HAWA, Dayang Hajah Masni binti Haji Munir, selaku Pengerusi Majlis, berkata program tersebut diadakan untuk mewujudkan kesedaran tentang kepentingan penyusuan susu ibu kepada anak damit selain meningkatkan pendidikan dan maklumat kepada ibu-ibu terhadap cara terbaik untuk penyusuan susu ibu serta membantu pihak dalam melaksanakan dasar penyusuan ibu kepada anak damit.

HAWA juga merancang untuk mengadakan Program 'Parents Talk' yang berbentuk bengkel yang akan menghuraikan tentang kebaikan penyusuan susu ibu dan bahaya susu formula, dakapan si ibu dengan anak damit yang di panggil 'Kangaroo Care' dan penyusuan susu ibu dari perspektif

Islam pada jangka waktu yang ditetapkan kelak.

Ceramah khas bertajuk 'Kepentingan Pemberian Susu Ibu Secara Eksklusif' juga turut disampaikan oleh Jururawat Kanan, Hospital Suri Seri Begawan Kuala Belait, Dayang Hajah Nasib binti Lamit, majlis juga diselajurkan dengan pameran 'Cara Hidup Sihat' dan

pemeriksaan kesihatan. Manakala program serupa akan turut diadakan di Mukim Labi. Program tersebut juga turut dihadiri oleh Isteri Pegawai Daerah Belait, Dayang Suraya binti Haji Salleh, Penghulu dan Ketua Kampung Sungai Teraban, pegawai dan kakitangan Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait serta para ibu-ibu dan masyarakat di Sungai Teraban.



PENGARAH Sumber-Sumber Tenaga Manusia Syarikat Minyak Brunei Shell Sdn. Bhd. Setia, Awang Haji Kamaludin bin Haji Bungsu ketika merasmikan Program 'Get Together'.

Pesakit diabetes sertai perkhemahan

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim, Mohammad Husaif Ramle
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



PESERTA Hari Perkhemahan Diabetes kali ke-2 dalam sesi bergambar ramai di hari pertama perkhemahan berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Mac. - Perkhidmatan Endokrinologi (Pusat Diabetes), Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, pagi ini, mengadakan Hari Perkhemahan Diabetes Ke-2, bertempat di Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan, di sini.

Perkhemahan selama dua hari yang bermula hari ini hingga esok, 16 Mac 2014 itu disertai oleh 20 orang pesakit diabetes remaja berumur 12 hingga 21 tahun menyertai perkhemahan berkenaan.

Sementara itu, satu taklimat pengenalan program perkhemahan disampaikan oleh wakil jururawat, Dayang Ernie Heryanti binti Haji Mohidi.

Tujuan utama hari perkhemahan

diadakan ialah untuk memberikan lingkungan suasana kehidupan yang sihat untuk diamalkan ke arah membangun belia yang sihat serta produktif dengan cara bermain dan berkongsi pengalaman.

Selain itu, para peserta perkhemahan juga dapat meningkatkan keyakinan diri, mempelajari kemahiran pengurusan diabetes dan mereka juga berpeluang belajar kemahiran sosial interaksi positif agar dapat digunakan kepada pasangan hidup, keluarga atau rakan-rakan yang akan mendampingi diri mereka seumur hidup.

Antara matlamat perkhemahan ialah memberikan peluang para peserta untuk bersemuka dan bertemu dengan orang lain yang mempunyai keadaan yang sama, selain menyediakan

pengalaman perkhemahan yang menyeronokkan bagi penghidap penyakit diabetes dalam persekitaran yang sihat di luar rumah.

Dengan adanya aktiviti seumpamanya akan mewujudkan lebih banyak ruang yang bebas bagi menunjukkan bahawa penghidap diabetes tidak terkecuali untuk menikmati kehidupan yang sempurna, di samping memberi peluang kepada para peserta perkhemahan untuk berinteraksi dengan pakar-pakar penjagaan kesihatan dalam suasana yang bukan klinikal.

Dengan adanya bimbingan kaunselor dan kakitangan yang bertugas, para peserta diharap akan lebih matang setelah melalui pengalaman baru dan menarik sepanjang perkhemahan ini.

Acara dalam perkhemahan ini akan dikendalikan sepenuhnya oleh jururawat diabetes, pakar pemakanan dan pegawai keagamaan.

Terapkan pengambilan makanan sihat

Kesihatan, Awang Haji Zakaria bin Haji Kamis antara lain memberikan penjelasan tentang pemilihan pemakanan yang bersih dan menyihatkan.

Dihadiri oleh para penuntut Tahun 7, 8, 9, 10 dan 11 yang mempunyai berat badan berlebihan, ceramah juga mendedahkan tentang penjagaan kolesterol dalam tubuh badan di mana para penuntut disarankan untuk memperbanyakkan pengambilan serat, buah-buahan dan sayur-sayuran.

Di samping itu mereka juga diingatkan untuk mengurangkan dan mengawal pengambilan gula dan garam dalam makanan dan minuman seharian.

Menurut tenaga pengajar di SMSH, Dayang Hajah Norumi Salwa binti Haji Awang Tuan, ceramah antara lain bertujuan menanamkan kesedaran mengenai amalan gaya hidup sihat dalam kalangan penuntut dan komuniti walau di mana mereka berada, selain mendidik dan menerapkan kepentingan penjagaan

kesihatan khususnya pemakanan sihat seawal usia di bangku sekolah. Selain itu katanya, ceramah juga dihasratkan untuk memberi kesedaran dengan menyatakan kepentingan mengambil pelbagai jenis makanan berbanding piramid makanan.

Dayang Hajah Norumi Salwa mewakili pihak SMSH berharap melalui ceramah itu para penuntut akan sedar betapa pentingnya menjaga kesihatan tubuh badan dan seterusnya akan berusaha untuk mengurangkan berat badan masing-masing.



ANTARA penuntut Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar yang hadir mendengarkan ceramah Pemakanan Sihat dan Pengurusan Berat Badan di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar.



PEGAWAI Penjaga Zat Pemakanan, Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Awang Haji Zakaria bin Haji Kamis dalam ceramahnya antaralain menjelaskan tentang pemilihan pemakanan yang bersih dan menyihatkan.

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim

TEMBURONG, Rabu, 12 Mac. - Penuntut yang mempunyai tubuh badan yang sihat akan mempunyai otak yang cerdas dan secara tidak langsung prestasi pelajaran penuntut berkenaan juga akan meningkat.

Menyedari hal itu, Unit Kantin dan Program Pemakanan Sekolah di bawah Program Sekolah Mempromosikan Kesihatan, Sekolah

Menengah Sultan Hassan (SMSH), Bangar mengadakan ceramah Pemakanan Sihat dan Pengurusan Berat Badan, berlangsung di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar, di sini.

Penceramah undangan, Pegawai Penjaga Zat Pemakanan, Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian

SPN21 realisasikan keperluan pendidikan

Laporan : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 Mac. - Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kespuluh Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Bangunan Dewan Majlis, MMN, di sini, yang masuk hari kesembilan membuka tirainya pagi tadi dengan beberapa soalan yang diberi notis mengenai kemajuan pendidikan di negara ini.

Di antaranya yang disentuh termasuklah Key Performance Indicator (KPI) bagi mengetahui pencapaian SPN21 yang diutarakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong



YANG Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad. - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.

ketika menjawab soalan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee menjelaskan bahawa Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 atau SPN21 yang telah dikenalkan pada tahun 2009 adalah satu *milestone* utama dalam sistem pendidikan negara ini.

Menurut Yang Berhormat, SPN21 bermatlamat menyediakan satu sistem pendidikan yang berkualiti yang mampu bertindak dan memenuhi keperluan masyarakat di era globalisasi yang penuh mencabar dan tidak menentu.

Yang Berhormat berkata, sejak dilaksanakan pada tahun 2009 ada beberapa pencapaian yang dapat dilihat daripada beberapa aspek dan ada tiga perubahan utama dalam SPN21 iaitu Kurikulum dan Penilaian, Struktur Sistem Pendidikan dan Pendidikan Teknik dan Vokasional.

“Mata pelajaran Penilaian Sekolah Rendah (PSR) bagi tahun 2013 ialah seramai 203 orang pelajar iaitu lima peratus daripada jumlah pelajar sekolah kerajaan yang menduduki peperiksaan. Pencapaian ini adalah yang terbaik berbanding dengan pencapaian selama empat tahun berturut-turut yang lalu,” jelas Menteri Pendidikan.

Di peringkat nasional, tambah Yang Berhormat, pelajar-pelajar yang lulus lima mata pelajaran dalam PSR menunjukkan peningkatan sebanyak 6.7 peratus daripada 78.48 peratus pada tahun 2012 kepada 85.20 peratus pada tahun 2013.

Peruntukan Kem. Pendidikan lulus Pertambahan 1.5 peratus capai objektif strategik

Dari muka 1

Bagi merangsang kegiatan pelaburan, Kementerian Pendidikan telah mengemukakan program-program seperti Student Entrepreneurship Development Expo (SEDEX), Brunei Education Entrepreneurship Scheme (BEES) bekerjasama dengan Syarikat Brunei Shell Petroleum dan LiveWIRE Program (Junior Achievers) kerjasama dengan Persatuan Perbankan Brunei dan Entrepreneurship at Campus di Universiti Brunei Darussalam dengan kerjasama Brunei Economic Development Board (BEDB) dan iCentre.

Bagi mendukung keutamaan untuk kesejahteraan rakyat dan penduduk, diperuntukkan disediakan bagi bantuan kepada anak-anak dari keluarga yang berpendapatan rendah melalui Skim Miftahun Najah (Kunci Kejayaan). Melalui skim ini 22 orang pelajar telah menerima bantuan asrama. Selain itu, projek Rintis Kelas Tuisyen telah diperkenalkan di bawah skim ini pada tahun 2013. Ianya dapat membantu 389 orang pelajar Tahun 6 dan 14 buah sekolah rendah yang menduduki peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) dan 160

orang pelajar yang menduduki peperiksaan GCE ‘O’ Level dari 11 buah sekolah menengah.

Pada tahun ini skim bantuan ini akan dilartakan lagi ke peringkat prauniversiti (Tingkatan Enam) dan sejak Skim Miftahun Najah diperkenalkan pada tahun 2011, jumlah pelajar yang menerima bantuan telah meningkat dari setahun ke setahun iaitu 2,232 orang pelajar pada tahun 2011 ke 10,428 orang pada tahun 2014 dari peringkat Pra Sekolah hingga ke Tahun 11.

Kementerian Pendidikan dalam mukadimah yang disampaikan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kespuluh MMN yang bersidang hari kelapan kelmarin akan berusaha bersungguh-sungguh dalam memastikan peruntukan ini akan digunakan sebaik-baiknya seperti mana juga yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, Kementerian Pendidikan sedang melaksanakan Penilaian Prestasi dan Pelaksanaan SPN21 (SPN21 Implementation and Performance Review).

“Penilaian menyeluruh ini adalah langkah yang kritikal untuk meneliti semula kedudukan sistem pendidikan yang akan boleh membantu dalam merancang langkah-langkah strategik yang berpandangan ke hadapan dan memastikan pengurusan yang lebih efisien,” ujar Yang Berhormat.

Penilaian ini, katanya, adalah kajian formal melibatkan analisis yang bersistematik terhadap sistem pendidikan dengan tujuan mendapat gambaran mengenai kesesuaiannya, keberkesanan dan kecekapan di mana penilaian ini, tambahnya, meliputi isu-isu seperti pencapaian memenuhi keperluan ‘stakeholder’, objektif aktiviti dan sumber-sumber aktiviti secara optimum dalam menghasilkan ‘output’.

“Pihak Kementerian Pendidikan akan meneruskan ini dengan sokongan semua dan mempelajari amalan-amalan terbaik negara-negara dengan sistem pendidikan yang cemerlang agar kita dapat mempercepatkan pencapaian objektif SPN21 dan Wawasan 2035 dan pada masa yang



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong. - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.

sama sentiasa memelihara dan mengekalkan identiti Calak Brunei Kita,” ujar Yang Berhormat.

Menyentuh mengenai Model School, Yang Berhormat menjelaskan Kementerian Pendidikan ia bukanlah dihasratkan untuk dijadikan sekolah elit akan tetapi adalah menjadi harapan pihak kementerian agar semua sekolah di negara ini akan menjadi ‘model school’ di masa akan datang yang



mana pada masa ini terdapat beberapa buah sekolah yang telah mula mencontohi *model school*.

Ketika menjelaskan mengenai peranan guru sandaran pula, Yang Berhormat berkata, ia adalah untuk mengatasi masalah kekurangan guru secara sementara seperti mengganti guru-guru wanita yang mengambil cuti bersalin atau guru-guru yang mengikuti kursus jangka panjang yang memerlukan mereka dipanggil bertugas apabila diperlukan sahaja.

Profesion Maritim terkenal di peringkat a'bangsa

Oleh : Abdullah Asgar,
Mohammad Husaif Ramle

MUARA, Selasa, 18 Mac. - Industri maritim di negara ini tidak terkecuali mengalami kekurangan tenaga kerja anak tempatan bahkan ianya dianggap sebagai profesion yang bergelut dengan kekotoran, sukar dan merbahaya, kekurangan dan persepsi sebegini perlu diperbetulan sesegeranya, kerana hari ini profesion maritim muncul sebagai profesi yang bertauliah dan terkenal di peringkat antarabangsa.

Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar menjelaskan perkara tersebut semasa merasmikan Lawatan Pendidikan Kapal Pallada dari Russia di Pelabuhan Muara, di sini.

Menurut Yang Berhormat, para pelaut hari ini bukan saja berpengalaman dan terlatih tetapi juga kompeten dan disahkan berpanduan piawaian antarabangsa oleh Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO).

Oleh itu, jelas Yang Berhormat, Akademi Maritim Brunei (Brunei Maritime Academy - BMA) dengan program-program yang mematuhi IMO akan memastikan yang



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar semasa mengadakan Lawatan Pendidikan Kapal Pallada dari Russia di Pelabuhan Muara. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.

lulusannya terlatih dan dilengkapi dengan keperluan-keperluan IMO sendiri.

Menurut Yang Berhormat, kajian menunjukkan bahawa terdapat kekurangan bagi para pelaut khususnya bagi penilaian bersepadu dan pegawai-pegawai, mengikut kajian dari Majlis Maritim Antarabangsa Baltik (BIMCO) dan Persekutuan Perkapalan Antarabangsa (ISF) yang *demand and supply* bagi pelaut-pelaut ketika ini yang kekurangan sehingga 10,000 pegawai seluruh dunia.

Industri Maritim, jelas Yang Berhormat, adalah satu profesion yang menjanjikan pulangan yang lumayan dan Kapal Pallada menyediakan peluang-peluang untuk mendapatkan kefahaman tahap awal tentang profesion maritim dan lain-lain prospektif yang berkaitan dengan kerjaya ini.

Dengan itu, ujar beliau, penubuhan BMA sangat bertepatan dan sejajar dengan penubuhan Maritim Brunei Darussalam dan Autoriti Pelabuhan (BDMPA) yang akan datang dan dengan penubuhan BDMPA sebagai satu industri pemaaju dan pengendali dan diharap akan lebih maju secara bersepadu dan progresif.

Kapal Russia STS Pallada telah dijemput oleh Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Kementerian Perhubungan, Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Maritime Academy Singapura (MAS) sebagai lawatan sambil belajar ke negara ini.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dan doa selamat, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pengarah Pendidikan Teknikal, selaku Pengerusi Majlis, Dr. Chin Wei Keh.

Antara objektif lawatan ini ialah untuk memberikan pengalaman dan pembelajaran kepada pelajar-pelajar yang mendaftar program yang berkaitan dengan maritim.

Secara tidak langsung ia dapat meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai profesion sebagai seorang maritim.

Kapal STS Pallada membawa 95 anak kapal dan kadet warganegara Russia, 18 pelajar MAS dan seorang tenaga pengajar di atas kapal.

Antara yang hadir termasuklah Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof; Setiausaha Tetap (Upstream) di Jabatan Tenaga, JPM, Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin; Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Haji Idris bin Haji Mohd. Ali.

Adalah diharapkan agar lebih banyak lagi lawatan kapal akan diunkayahkan pada masa akan datang untuk meningkatkan lagi persepsi dan kefahaman orang ramai tentang apa tawaran profesion sebagai seorang maritim.

Tetamu kehormat dan rombongan kemudiannya dibawa melawat Kapal STS Pallada yang dialukan oleh 40 ahli kadet di atas kapal tersebut.

MARTABATKAN HUKUM SYAR'IAH SEBAGAI NEGARA ISLAM TULEN

دربیتکن اوله جباتن فئراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.